Perkembangan Monetari dan Fiskal

60-66 Dasar Monetari pada Tahun 2001
66-75 Perkembangan Monetari
75-76 Perkembangan Kadar Pertukaran
76-87 Dasar Fiskal dan Operasi

Perkembangan Monetari dan Fiskal

Dasar kewangan kekal akomodatif, menyediakan persekitaran yang positif untuk penggunaan dan pelaburan swasta dan keseluruhan aktiviti ekonomi domestik. Rejim kadar pertukaran tetap yang disokong oleh asas-asas ekonomi terus memberi manfaat kepada ekonomi

DASAR MONETARI PADA TAHUN 2001

Objektif keseluruhan dasar monetari pada tahun 2001 bertujuan untuk menyediakan suasana yang positif untuk menggalakkan aktiviti dalam negeri bagi menangani kesan daripada kelembapan ekonomi dunia. Bagi mencapai objektif ini, kadar faedah yang telah diturunkan pada tahun 1998 dan 1999 telah dikekalkan pada tahun 2000 dan pada lapan bulan pertama tahun 2001. Kestabilan yang diperolehi daripada rejim kadar pertukaran tetap serta tiadanya tekanan ke atas inflasi telah membolehkan dasar monetari menyokong langkah-langkah dasar kitaran balas makroekonomi yang telah dilaksanakan untuk menggalakkan aktiviti ekonomi dalam negeri. Bagaimanapun, peristiwa 11 September telah meningkatkan risiko bahawa unjuran ekonomi dunia semakin lemah dan terdapat kelewatan dalam prospek pemulihan. Oleh itu, pada 20 September, BNM telah menurunkan Kadar Campurtangan sebanyak 50 mata asas kepada 5.0% sebagai langkah awal untuk menangani kemungkinan pertumbuhan semakin lemah dan mengukuhkan keyakinan perniagaan dan pengguna. Penekanan juga diberikan bagi meningkatkan kemudahan pembiayaan kepada sektor swasta pada kos yang munasabah, terutama kepada perusahaan kecil dan sederhana (SME) dan sektor pertanian.

Dengan Kadar Campurtangan pada paras 5.50% dan kadar antara bank 3 bulan pada 3.22%, teras dasar monetari pada awal tahun ini adalah sejajar dengan keperluan untuk menggalakkan penggunaan dan pelaburan, di samping meningkatkan tabungan serta mengelakkan ketidakseimbangan makroekonomi. Memandangkan kelembapan ekonomi dunia secara relatifnya berada pada tahap sederhana, dasar fiskal dan monetari yang mengembang dijangka dapat memberi kesan penuh ke atas agregat permintaan dalam negeri, memandangkan keadaan inflasi dijangka kekal rendah.

Pelonggaran dasar monetari yang dilakukan berperingkat-peringkat pada tahun 1998 dan 1999 telah menghasilkan lebihan mudah tunai dan paras kadar faedah yang rendah. Pada tempoh ini, Kadar Campurtangan BNM 3 bulan yang merupakan kadar dasar, telah diturunkan sebanyak 550 mata asas. Memandangkan dasar monetari beroperasi dengan lat, penurunan kadar yang pesat dan besar telah dilaksanakan pada peringkat awal pemulihan. Tindakan awal pelonggaran dasar monetari telah menyebabkan kadar faedah pinjaman di Malaysia menurun dan berada di antara paras terendah di rantau ini. Dengan keadaan lebihan mudah tunai dan peningkatan persaingan di kalangan institusi perbankan, kadar faedah terutamanya bagi pinjaman runcit telah ditawarkan pada paras yang lebih rendah daripada kadar berian pinjaman asas (BLR). Paras kadar faedah semasa yang rendah telah menyokong pertumbuhan aktiviti pembiayaan yang kukuh, yang memberi kesan positif ke atas pertumbuhan ekonomi, terutamanya ke atas penggunaan domestik.

Dalam keadaan ini, dasar monetari kekal neutral pada tiga suku pertama tahun 2001. Keputusan untuk mengekalkan teras dasar monetari telah disokong oleh beberapa faktor. Pertama, kelembapan ekonomi dalam negeri yang berlaku secara progresif dan lebih cepat telah disebabkan terutamanya oleh prestasi industri berorientasikan eksport yang semakin lemah berikutan permintaan luar negara yang berkurangan. Kesan positif daripada kadar faedah yang lebih rendah dengan itu dijangka sedikit, oleh kerana sektor ini biasanya menggunakan dana mereka sendiri. Selain daripada itu, penunjuk permintaan juga menunjukkan bahawa kadar faedah yang rendah telah menggalakkan pinjaman baru, terutama bagi pembelian rumah persendirian, kenderaan bermotor dan barangan pengguna tahan lama. Kedua, pertimbangan juga telah diberikan kepada keperluan untuk memastikan kestabilan kewangan dan

makroekonomi. Pada tempoh ini, kadar deposit di Malaysia secara amnya lebih rendah daripada kadar asing, terutamanya berbanding kadar faedah AS. Menurunkan lagi kadar faedah melebihi daripada paras tertentu boleh mengakibatkan aliran keluar modal.

Ketiga, dalam keadaan kelembapan ekonomi di mana pekerjaan dan prospek permintaan adalah tidak menentu serta terdapat lebihan kapasiti, dasar fiskal akan memainkan peranan yang penting untuk menggalakkan secara langsung aktiviti ekonomi dalam negeri. Oleh itu, langkah fiskal yang dilaksanakan telah digubal untuk meningkatkan pendapatan boleh guna bagi menggalakkan penggunaan dan melaksanakan projek yang mempunyai kesan sampingan yang tinggi, kandungan import yang rendah serta tempoh pelaksanaan yang pendek. Tambahan kepada peruntukan Belanjawan 2001, pakej awalan sebanyak RM3 bilion yang diumumkan pada bulan Mac, bertujuan untuk meningkatkan lagi permintaan dalam negeri.

Pertimbangan yang penting dalam pelaksanaan dasar monetari adalah untuk mengekalkan kadar pulangan benar yang positif kepada pendeposit, terutamanya kepada individu dan pertubuhan-pertubuhan yang sumber pendapatan mereka amat bergantung kepada pulangan daripada deposit bank. Tidak seperti di negara lain, penduduk di Malaysia yang sememangnya bersikap penabung, akan terjejas akibat daripada kadar faedah yang lebih rendah berbanding mereka yang berhutang. Oleh yang demikian, kadar faedah yang terlalu rendah akan menjejaskan pendapatan beberapa sektor tertentu dan membawa kesan buruk ke atas penggunaan. Pada bulan Januari 2002, BNM telah melancarkan Bon Simpanan Malaysia siri ketiga bernilai RM1 bilion sebagai instrumen tabungan alternatif kepada warga tua dan pertubuhan sukarela.

Pada tempoh ini, suatu isu yang timbul adalah persepsi pasaran bahawa kadar faedah telah digunakan sebagai cara untuk menyokong keuntungan institusi kewangan. Walau bagaimanapun, ianya bukanlah suatu isu dalam penggubalan dasar monetari. Sememangnya, bukan menjadi suatu pertimbangan dasar untuk menyokong keuntungan bank dengan membebankan para peminjam, pendeposit dan juga pertumbuhan ekonomi. Bahkan, keadaan lebihan mudah tunai yang sedia ada dan persaingan bagi pinjaman baru yang berlaku pada lapan bulan pertama telah memaksa bank untuk merendahkan kos mereka dan meningkatkan kecekapan. Margin kadar faedah bank juga telah mengecil pada tempoh ini, terutamanya melalui penurunan dalam kadar faedah pinjaman. Sebaliknya, ini telah menguntungkan para peminjam tanpa memberi kesan buruk ke atas pulangan kepada para pendeposit.

Pada keseluruhannya, dasar monetari yang akomodatif berserta dasar fiskal yang mengembang telah mengurangkan kesan negatif ke atas ekonomi berikutan kemerosotan yang berlaku dalam sektor perkilangan yang berorientasikan eksport. Perkembangan ini dibuktikan oleh beberapa penunjuk monetari dan ekonomi benar. Pada lapan bulan pertama, jumlah pinjaman sistem perbankan meningkat sebanyak RM14.4 bilion berbanding RM13 bilion pada tempoh yang sama pada tahun 2000 di mana pertumbuhan ekonomi adalah tinggi. Pertumbuhan pinjaman ini dicatat walaupun pertumbuhan ekonomi menyederhana pada tahun 2001. Kenaikan dalam jumlah pinjaman juga adalah menyeluruh dan ianya jelas berlaku bagi pinjaman di sektor yang sensitif pada kadar faedah seperti perumahan dan penggunaan termasuk bagi pembelian kereta penumpang dan kemudahan kad kredit. Sektor lain yang mencatat kenaikan pinjaman termasuk kenderaan pengangkutan; pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi; pembiayaan, insurans dan perkhidmatan perniagaan; perkilangan dan dagangan borong. Terdapat juga peningkatan yang berterusan dalam pasaran sekuriti hutang swasta (PDS) sebagai satu sumber pembiayaan yang penting pada tahun ini. Termasuk pinjaman yang diberikan oleh sistem perbankan dan terbitan PDS, jumlah pembiayaan pada lapan bulan pertama meningkat sebanyak 8.2% pada akhir bulan Ogos, walaupun pertumbuhan ekonomi bertambah perlahan. Tambahan lagi, penunjuk-penunjuk bagi penggunaan swasta seperti jualan kereta penumpang yang baru (+12.7% pada lapan bulan pertama), kutipan cukai jualan (+19.6%) serta kelulusan dan pemberian pinjaman bagi kredit penggunaan (masing-masing sebanyak +20.3% dan +24.7%) juga mencatat peningkatan yang berterusan.

Suasana inflasi yang rendah telah memberi fleksibiliti untuk melaksanakan dasar monetari yang akomodatif. Sepanjang tahun ini, inflasi menyederhana sejajar dengan jangkaan. Inflasi utama menyederhana kepada 1.4% pada tahun 2001 (1.6% pada tahun 2000), sementara inflasi teras menyederhana kepada 1% daripada 1.5% pada tempoh yang sama. Inflasi teras yang lebih rendah adalah disebabkan oleh permintaan yang secara relatifnya masih lemah di samping pengumpulan inventori dan lebihan kapasiti

di beberapa sektor dalam ekonomi. Faktor lain ialah kadar pertukaran yang secara relatifnya stabil dan inflasi import yang lebih rendah.

Walau bagaimanapun, kesan daripada peristiwa 11 September telah meningkatkan risiko makroekonomi ke arah pertumbuhan yang lebih lemah dan telah memburukkan prospek pertumbuhan dunia. Walaupun asas ekonomi Malaysia masih kekal kukuh dengan keadaan inflasi yang rendah dan imbangan luar negara yang kukuh, sebagai sebuah ekonomi terbuka, Malaysia tidak terlindung daripada perkembangan luar negara. Berikutan perkembangan ini, BNM telah menurunkan Kadar Campurtangan sebanyak 50 mata asas kepada 5.00% pada 20 September. Langkah ini berserta dengan pelaksanaan langkah fiskal telah dilaksanakan bagi menyokong permintaan dalam negeri dan mengelak daripada kemungkinan kesan risiko perkembangan luar negara yang bertambah buruk. Purata BLR bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan menurun masing-masing kepada 6.39% dan 7.45%. Tambahan lagi, kadar pinjaman bagi dana khas untuk SME dan usahawan Bumiputera telah diturunkan, sementara skop dan syarat kelayakan bagi dana terpilih telah dilonggarkan pada bulan Oktober.

Penurunan dalam kadar pinjaman telah membantu menyediakan suasana yang positif kepada sektor swasta. Aktiviti pembiayaan pada empat bulan terakhir masih kukuh. Jumlah pembiayaan melalui pinjaman yang disalurkan oleh sistem perbankan dan PDS yang diterbitkan oleh sektor swasta meningkat lagi sebanyak RM9.8 bilion pada empat bulan terakhir atau 6% pada akhir tahun 2001. Begitu juga, kedua-dua kelulusan pinjaman (RM39.7 bilion bagi bulan September hingga Disember) dan pengeluaran pinjaman (RM124.7 bilion) oleh sistem perbankan kekal kukuh.

Dengan penurunan dalam Kadar Campurtangan, operasi mudah tunai BNM terus mengekalkan kadar antara bank pada paras semasa, di mana telah menyederhanakan penurunan dalam kadar deposit. Dengan itu, pendeposit terus menikmati kadar pulangan benar yang positif daripada deposit yang disimpan dengan institusi perbankan.

Pada tahun ini, pengurusan dasar monetari terus tertumpu kepada mengurus aliran mudah tunai bagi memastikan kadar antara bank adalah stabil. Sebahagian besar daripada operasi mudah tunai yang dilaksanakan oleh BNM adalah mengembang pada separuh pertama tahun 2001. BNM menyalurkan sebanyak RM15.5 bilion ke dalam sistem melalui pasaran wang antara bank untuk mengimbangi kesan penguncupan akibat aliran keluar dana bersih daripada ekonomi domestik. Pada tempoh ini, di samping aliran masuk pelaburan langsung asing dan lebihan dagangan yang berterusan, terdapat pembayaran import yang lebih tinggi dan pembayaran balik hutang luar negara serta pelaburan luar negara yang lebih tinggi. Tambahan lagi, terdapat juga aliran keluar modal yang berasaskan sentimen, terutama pada bulan Mac dan awal April apabila pasaran kewangan tidak stabil.

Bagaimanapun, operasi mudah tunai menguncup pada separuh kedua tahun ini berikutan aliran masuk bersih dana pada tempoh ini. Aliran masuk ini mengenakan kesan pengembangan ke atas mudah tunai dan memberi tekanan ke atas kadar faedah. Bagi memastikan kadar antara bank adalah stabil, BNM telah menyerap lebihan dana sebanyak RM12 bilion daripada pasaran antara bank pada separuh kedua tahun ini. Pada akhir tahun 2001, jumlah bersih dana yang terkumpul dengan BNM berjumlah RM46.1 bilion (RM49.6 bilion pada akhir tahun 2000). Ini menggambarkan suasana mudah tunai yang lega dalam sistem kewangan.

Satu lagi langkah penting ialah Rangka Kerja Mudah Tunai Baru (NLF) yang telah dilaksanakan pada awal tahun 1999 dan mula berkuatkuasa sepenuhnya pada tahun 2001. NLF ini membolehkan institusi perbankan mengurangkan ketidakpadanan kematangan mudah tunai di dalam kunci kira-kira mereka, dengan itu meningkatkan fleksibiliti dalam menguruskan portfolio pelaburan . NLF ini merupakan satu langkah penting dalam proses yang berterusan ke arah membangunkan satu rangka kerja dasar monetari yang berorientasikan pasaran. Satu komposisi aset yang lebih fleksibil akan membuat kunci kira-kira bank lebih sensitif kepada perubahan dalam kadar faedah, dengan itu membuat transmisi dasar monetari lebih efektif.

Usaha juga telah dipertingkatkan pada tahun 2001 untuk memastikan sektor tertentu, terutamanya perusahaan kecil dan sederhana dan sektor pertanian, terus memperolehi kemudahan pembiayaan. Langkah ini diambil sebagai tambahan kepada langkah-langkah yang telah dilaksanakan termasuk mempercepatkan proses kelulusan pinjaman di institusi perbankan, mempromosikan sumber pembiayaan alternatif termasuk modal usaha niaga, menubuhkan unit khusus untuk memantau aduan pinjaman di setiap institusi perbankan dan untuk menguruskan pinjaman bermasalah, dan

menubuhkan Unit Pembangunan Bumiputera yang menyediakan perkhidmatan nasihat kewangan kepada usahawan Bumiputera.

Pada bulan April 2001, saiz dan skop dana-dana khas yang tertentu telah dilonggarkan sementara kadar pinjaman mereka telah diturunkan. Pada bulan Julai, Tabung Pemulihan dan Pembangunan Usahawan (ERDF) dengan peruntukan sebanyak RM500 juta telah ditubuhkan untuk membantu usahawan Bumiputera mengatasi masalah NPL serta menyediakan modal kerja. Berikutan penurunan dalam Kadar Campurtangan, kadar pinjaman maksimum beberapa dana tertentu juga telah diturunkan pada bulan Oktober. Kriteria kelayakan dan skop juga telah dilonggarkan (sila lihat rencana Langkah-langkah Monetari). Berikutan inisiatif ini, jumlah keseluruhan pinjaman sistem perbankan yang disalurkan kepada SME meningkat sebanyak RM2.2 bilion atau 3.1% pada tahun 2001. Pinjaman ini disalurkan terutamanya kepada sektor harta benda secara luas, dagangan borong dan runcit, sektor elektrik dan pengangkutan.

Rangka kerja monetari pada tahun 2001 terus beroperasi di bawah rejim kadar pertukaran tetap. Nilai ringgit terus dikekalkan pada RM3.80=AS$1, berkuatkuasa semenjak 2 September 1998. Berikutan keadaan yang mudah ubah di dalam pasaran pertukaran asing antarabangsa pada tahun 2001, rejim kadar pertukaran tetap terus memberi manfaat kepada ekonomi Malaysia. Kestabilan yang diberi oleh kadar tetap ringgit menyediakan suasana yang lebih pasti untuk membuat keputusan, menggalakkan keyakinan pada ringgit dan menghindar aktiviti spekulasi, meningkatkan kecekapan dalam bentuk kos lindung nilai dan urus niaga yang lebih rendah, serta membolehkan penstrukturan semula sistem perbankan dan sektor korporat terus dilaksanakan.

Pasaran pertukaran asing, terutamanya pasaran serantau, terus mengalami keadaan mudah ubah pada tahun 2001. Penyusutan nilai kadar pertukaran yen telah, dari semasa ke semasa, dituruti oleh penurunan nilai mata wang serantau. Dalam keadaan ini, ringgit terus disokong oleh asas-asas yang kukuh seperti inflasi yang rendah, lebihan akaun semasa yang kukuh, hutang luar negara yang rendah, kadar tabungan yang tinggi, dan sektor kewangan yang lebih berdaya tahan. Rizab antarabangsa meningkat semula pada separuh kedua tahun ini. Kedudukan mudah tunai luar Malaysia kekal kukuh di mana rizab meningkat dan mampu menanggung hutang luar negara jangka pendek sebanyak lebih daripada enam kali.

Dalam keadaan ini, strategi yang diambil adalah pelaksanaan dasar yang akan memudahkan penyelarasan dalam ekonomi domestik untuk mengukuhkan kedudukan daya saing negara. Dasar-dasar tersebut bertujuan untuk memastikan bahawa ekonomi Malaysia mempunyai kelenturan untuk membuat penyelarasan dalaman yang diperlukan bagi menyokong kadar pertukaran tetap. Ekonomi Malaysia mempunyai asas ekonomi yang pelbagai dan tenaga pekerja yang fleksibil. Penstrukturan semula sektor korporat yang sedang dijalankan juga akan menambahkan kelenturan dalam penyelarasan harga.

Tanggapan dan keyakinan awam juga merupakan faktor penting dalam mengekalkan ketahanan kadar pertukaran. Melalui penyebaran maklumat yang lebih terperinci dan dialog yang kerap dengan pelbagai pihak daripada sektor swasta termasuk para pengeksport, pengilang dan pihak media, BNM telah menjelaskan isu berkaitan kadar pertukaran dan faktor-faktor yang mempengaruhi ketahanannya. Ini telah meningkatkan kesedaran terhadap kesan perkembangan kadar pertukaran ke atas kedudukan keadaan kunci kira-kira sektor swasta serta membolehkan pemahaman yang lebih mendalam terhadap rasional makroekonomi berhubung strategi kadar pertukaran.

Selama lebih daripada tiga tahun, kadar pertukaran tetap telah memudahkan aktiviti perdagangan antarabangsa dan pelaburan dengan berkesan dan cekap tanpa menyebabkan ketidakseimbangan dalam makroekonomi. Sebagai sebuah ekonomi yang terbuka yang amat bergantung kepada perdagangan antarabangsa, kadar pertukaran yang stabil dan konsisten dengan asas-asas ekonomi adalah penting. Walaupun kadar pertukaran boleh digunakan untuk meningkatkan kelebihan daya saing, sememangnya telah diketahui bahawa dasar sedemikian hanya akan memberi faedah yang sementara. Daya saing antarabangsa jangka panjang tidak boleh diperolehi dengan mengubah kadar pertukaran. Oleh yang demikian, Malaysia telah memilih untuk memastikan kadar pertukaran yang stabil, dan komited untuk memastikan bahawa dasar-dasar dan asas-asas ekonomi domestik konsisten dengan kadar pertukaran tetap. Selain daripada dasar-dasar yang bertujuan untuk mengekalkan inflasi pada tahap yang rendah, imbangan luar yang kukuh, hutang luar negara pada kadar yang rendah dan berhemat, tahap rizab yang kukuh serta sektor perbankan yang berdaya tahan, usaha juga sedang ditumpukan untuk terus

Langkah-langkah Monetari pada tahun 2001

Langkah-langkah monetari yang diperkenalkan pada tahun 2001 bertujuan untuk mendorong permintaan domestik berikutan keadaan luar negara yang kurang menggalakkan. Ekoran daripada kelembapan ekonomi dunia yang bertambah buruk disebabkan oleh peristiwa 11 September di Amerika Syarikat, dasar monetari dilonggarkan dengan Kadar Campurtangan diturunkan bagi menyokong kegiatan ekonomi dalam negeri. Langkah-langkah juga diperkenalkan bagi meningkatkan kemudahan pembiayaan pada kos yang berpatutan kepada sektor pertanian dan kepada kumpulan usahawan-usahawan kecil dan sederhana yang lebih luas. Langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

- Pada bulan Mac 2001, bersama-sama dengan pengumuman pakej rangsangan fiskal, beberapa langkah kewangan telah diumumkan untuk dilaksanakan secara berperingkat-peringkat:

  (i) Saiz dan skop tabung khas yang sedia ada telah diperluaskan, sementara kadar berian pinjaman diturunkan. Peruntukan bagi Tabung untuk Makanan (TUM) dan Tabung Usahawan Baru (TUB) telah ditambah masing-masing daripada RM1 bilion dan RM1.25 bilion kepada RM1.3 bilion dan RM1.5 bilion, manakala Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 (TIKS 2) telah digandakan sehingga RM400 juta dan kriteria kelayakannya pula telah diperluaskan untuk merangkumi sektor yang bukan berorientasikan eksport. Berkuatkuasa 16 April 2001, kadar pembiayaan dan kadar berian pinjaman bagi TUM, TUB dan TIKS 2 telah dikurangkan seperti berikut:

Tabung	Kadar Pinjaman Maksimum[1/] (% setahun)			Kadar Pembiayaan[2/] (% setahun)		
	Lama	Baru	Perubahan	Lama	Baru	Perubahan
TUM	4.0	3.75	-0.25	1.0	0.25	-0.75
TUB	6.0	5.5	-0.5	4.0	2.0	-2.0
TIKS 2	6.5	5.5	-1.0	4.0	2.0	-2.0

[1/] Kadar yang dikenakan oleh institusi yang memberi pinjaman kepada peminjam.
[2/] Kadar yang dikenakan oleh Kerajaan ke atas institusi yang memberi pinjaman.

  (ii) Cukai sebanyak RM50 ke atas kad kredit yang diperkenalkan pada tahun 1997 telah dimansuhkan bagi meningkatkan lagi penggunaan kad kredit.

  (iii) Pada bulan Julai 2001, Tabung Pemulihan dan Pembangunan Usahawan (TPPU) telah ditubuhkan dengan peruntukan sebanyak RM500 juta untuk membantu usahawan Bumiputera kecil dan sederhana yang berdaya maju. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM120 juta diperuntukkan bagi penyelesaian pinjaman tak berbayar (NPL) yang tidak melebihi RM1 juta, sementara selebihnya untuk membantu perniagaan usahawan-usahawan tersebut bagi membolehkan mereka meneruskan perniagaan mereka melalui sokongan modal kerja.

- Pada 20 September 2001, BNM telah mengumumkan pengurangan bagi Kadar Campurtangan BNM 3 bulan sebanyak 50 mata asas kepada 5.00%. Dengan itu, kadar asas berian pinjaman maksimum bank perdagangan dan syarikat kewangan menurun masing-masing kepada 6.42% dan 7.46%. Penurunan Kadar Campurtangan BNM adalah bertujuan untuk menangani peningkatan risiko yang bertambah disebabkan pertumbuhan ekonomi domestik yang lebih lemah berikutan peristiwa 11 September di Amerika Syarikat. Khususnya, penurunan dalam Kadar Campurtangan dapat membantu mengurangkan kesan daripada persekitaran luar negara yang bertambah buruk ke atas aktiviti perniagaan dan aktiviti pengguna dalam negeri.

- Berikutan penurunan Kadar Campurtangan 3 bulan, BNM mengumumkan potongan tambahan dalam kadar berian pinjaman dan kelonggaran kriteria kelayakan bagi beberapa tabung khas:

(i) Berkuatkuasa 15 Oktober 2001, kadar berian pinjaman bagi peminjam baru dan yang sedia ada di bawah Tabung Pemulihan Industri Kecil dan Sederhana (TPIKS), Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 (TIKS 2) dan Tabung Usahawan Baru (TUB) telah diturunkan masing-masing sebanyak 0.5 mata peratusan. Kadar pembiayaan bagi kesemua tabung ini juga diturunkan masing-masing sebanyak 0.5 mata peratusan. Ia adalah penurunan kadar bagi kali kedua, selepas penurunan yang pertama pada bulan April, bagi mengurangkan lagi kos perniagaan. Perubahan kepada kadar pinjaman dan kadar pembiayaan TPIKS, TIKS 2 dan TUB adalah seperti berikut:

Tabung	Kadar Pinjaman Maksimum[1/] (% setahun)			Kadar Pembiayaan[2/] (% setahun)		
	Lama	Baru	Perubahan	Lama	Baru	Perubahan
TPIKS	5.0	4.5	-0.5	1.0	0.5	-0.5
TIKS 2	5.5	5.0	-0.5	2.0	1.5	-0.5
TUB	5.5	5.0	-0.5	2.0	1.5	-0.5

[1/] Kadar yang dikenakan oleh institusi yang memberi pinjaman kepada peminjam.
[2/] Kadar yang dikenakan oleh Kerajaan ke atas institusi yang memberi pinjaman.

(ii) Bagi meningkatkan lagi kemudahan skim-skim pembiayaan, kriteria kelayakan dan skop bagi tabung-tabung khas berikut telah juga dilonggarkan berkuatkuasa 15 Oktober 2001:

Tabung	Kriteria/syarat	Lama	Baru
Tabung untuk Makanan (TUM)	Pembiayaan maksimum bagi setiap peminjam	90% daripada jumlah kos projek atau RM3 juta, mengikut mana yang lebih rendah	90% daripada jumlah kos projek atau RM5 juta, mengikut mana yang lebih rendah
	Pembiayaan maksimum untuk kos tanah	20% daripada jumlah kos projek	30% daripada jumlah kos projek
	Upah	Tidak Layak	Layak
	Pembiayaan untuk pemprosesan dan pengagihan makanan	Tidak layak	Layak, dengan syarat bahan mentah adalah dari sumber domestik
Tabung Pemulihan Industri Kecil dan Sederhana (TPIKS)	Had maksimum untuk pembiayaan semula/penyusunan semula	30% daripada jumlah pinjaman yang diluluskan	40% daripada jumlah pinjaman yang diluluskan
Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 (TIKS 2)	Tujuan pembiayaan	Modal kerja sahaja	Modal kerja dan pengembangan kapasiti
	Pembiayaan maksimum bagi setiap peminjam	RM1 juta	RM3 juta
Tabung Projek Usahawan Bumiputera (TPUB)	Pembiayaan maksimum	30% daripada jumlah kontrak	60% daripada jumlah kontrak atau RM3 juta, mengikut mana yang lebih rendah
	Pembiayaan maksimum untuk kontrak di bawah RM100,000	RM30,000	RM60,000
Tabung Pemulihan dan Pembangunan Usahawan (TPPU)	Had pinjaman tak berbayar (NPL) yang dimiliki peminjam	RM1 juta	Melebihi RM1 juta, dengan syarat jumlah NPL boleh dikurangkan kepada RM1 juta dalam tempoh dua bulan selepas kemudahan diluluskan oleh ERF Sdn. Bhd.
		Diklasifikasikan sebagai NPL di antara tempoh 1 Januari 1998 dan 30 Jun 2001	Dilanjutkan sehingga 31 Disember 2001

- Pada 27 November 2001, BNM telah mengumumkan pemansuhan larangan ke atas pemberian pinjaman penyambung bagi pembangunan harta benda perumahan berharga melebihi RM250,000 seunit serta pembangunan rumah kedai berharga melebihi RM250,000 seunit yang terletak di dalam kawasan perumahan. Pemansuhan larangan pembiayaan yang khusus bagi sub sektor ini adalah disebabkan oleh pengurangan dalam harta benda yang tidak terjual dalam sub sektor perumahan. Memandangkan situasi lebihan bekalan (dari segi nilai dan unit harta benda yang tidak terjual) masih ketara bagi sub sektor lain dalam pasaran harta benda, larangan ke atas pemberian pinjaman penyambung bagi pembangunan harta benda komersil dan projek yang melibatkan rumah kedai yang berharga melebihi RM250,000 seunit yang tidak terletak di dalam kawasan perumahan masih kekal tidak berubah.

- Pada 18 Disember, BNM mengumumkan terbitan Bon Simpanan Malaysia Siri 03 (BSM03). Sejumlah RM1 bilion BSM03 telah ditawarkan untuk jualan bagi tempoh 2-31 Januari 2002, di mana sebanyak RM500 juta akan diterbitkan berlandaskan prinsip Islam. Bon ini mempunyai tempoh matang selama 2 tahun dan kadar pulangan sebanyak 5% setahun. Ia hanya layak dibeli oleh warga tua yang tidak mempunyai pekerjaan tetap dan organisasi kebajikan yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan. BSM03 diterbitkan oleh BNM untuk meringankan kesan daripada keadaan kadar faedah semasa yang rendah ke atas pendapatan warga tua dan organisasi kebajikan yang hanya bergantung kepada pendapatan daripada simpanan deposit dengan institusi-institusi perbankan dan seterusnya dapat mengekalkan keupayaan perbelanjaan mereka.


meningkatkan kebolehan pasaran membuat penyelarasan terhadap perkembangan luar dan dalam negeri. Asas-asas makroekonomi yang lebih kukuh dalam ekonomi yang lebih pelbagai, pekerja dan modal yang lebih fleksibil, sistem perbankan yang lebih berdaya tahan serta sumbangan ekonomi domestik yang bertambah tinggi, telah membekalkan Malaysia dengan daya tahan yang lebih tinggi untuk menangani dan mengatasi sebarang kejutan luar negara ke atas ekonomi.

Pada tahun ini, Bank terus mengambil beberapa langkah yang bertujuan untuk meningkatkan kecekapan dan ketelusan pengurusan dasar monetari. Satu keutamaan dasar adalah untuk memastikan bahawa maklumat yang cukup secara berterusan diberi kepada orang awam dan ahli pasaran. Untuk mencapai matlamat ini, kenyataan dan dialog yang lebih kerap telah diadakan dengan peserta pasaran. Sesi dan soal jawab bersama wartawan-wartawan dalam dan luar negara kerap diadakan bagi membolehkan peserta pasaran dan pihak media meningkatkan kefahaman mereka mengenai objektif dasar monetari di Malaysia dan langkah-langkah yang diambilnya. Pada masa yang sama, terdapat juga penambahbaikan data yang diterbitkan melalui buletin BNM. Bank juga menganjurkan beberapa sidang dan mesyuarat antarabangsa supaya pengalaman Malaysia dan perspektifnya dalam mengurus ekonomi dan sektor kewangan dapat diketahui dan difahami dengan lebih baik lagi.

PERKEMBANGAN MONETARI

Keadaan monetari pada tahun 2001 secara keseluruhannya adalah selaras dengan objektif dasar monetari BNM untuk menggalakkan aktiviti ekonomi domestik. Keadaan **kadar faedah** yang rendah serta mudah tunai yang lega telah menyumbang kepada peningkatan dalam aktiviti pinjaman bank.

Graf 2.1
Kadar Antara Bank (purata bulanan)




Pembiayaan yang lebih tinggi kepada sektor swasta serta operasi luar yang mengembang telah menyumbang kepada peningkatan dalam agregat monetari pada tahun ini. Dalam keadaan ini, inflasi kekal di paras yang rendah.

Kadar Campurtangan BNM 3 bulan telah diturunkan sebanyak 50 mata asas kepada 5.00% pada 20 September, bagi menangani peningkatan risiko terhadap ekonomi domestik yang bertambah lemah berikutan peristiwa 11 September di Amerika Syarikat. Sementara itu, kadar faedah antara bank secara relatifnya kekal stabil sepanjang tahun. Pada akhir tahun 2001, kadar faedah antara bank bagi wang semalaman dan 3 bulan masing-masing mencatat 2.76% dan 3.27% (2.77% dan 3.25% pada akhir tahun 2000). Oleh itu, perbezaan di antara kadar faedah antara bank 3 bulan dan Kadar Campurtangan mengecil kepada 173 mata asas berbanding 225 mata asas pada akhir tahun 2000.


Kadar faedah runcit yang ditawarkan oleh institusi perbankan secara keseluruhannya stabil pada sembilan bulan pertama tahun 2001. Purata kadar berian pinjaman asas (BLR) bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan masing-masing kekal pada 6.79% dan 7.95%, tidak berubah sejak bulan Ogos 1999. Berikutan penurunan Kadar Campurtangan sebanyak 50 mata asas pada 20 September, BLR bagi kedua-dua kumpulan institusi perbankan telah diturunkan, masing-masing sebanyak 39 dan 50 mata asas. Pada akhir bulan September, ia mencatat paras terendah iaitu 6.39% dan 7.45%. Semenjak itu, kadar BLR kekal tidak berubah. Kadar berian pinjaman di Malaysia merupakan kadar kedua terendah di rantau ini.

Di samping itu, purata kadar deposit tetap (FD) yang ditawarkan oleh bank perdagangan dan syarikat kewangan yang secara relatifnya kekal stabil pada sembilan bulan pertama tahun ini, telah menurun berikutan penurunan Kadar Campurtangan BNM. Pada akhir bulan September, purata kadar FD yang disebut


Graf 2.2
Kadar Faedah Institusi Perbankan



Graf 2.3
Struktur Terma Deposit Tetap bagi Bank Perdagangan (purata pada akhir tempoh)



Graf 2.4
Struktur Terma Deposit Tetap bagi Syarikat Kewangan (purata pada akhir tempoh)



Jadual 2.1
Kadar Faedah Institusi Perbankan (%)

			2001	Perbezaan
Bank Perdagangan	Deposit tetap 3 bulan	3.47	3.21	–0.26
	Deposit tabungan	2.72	2.28	–0.44
	Kadar berian pinjaman asas	6.78	6.39	–0.39
Syarikat Kewangan	Deposit tetap 3 bulan	3.52	3.21	–0.31
	Deposit tabungan	3.44	2.94	–0.50
	Kadar berian pinjaman asas	7.95	7.45	–0.50

Jadual 2.2
Margin Kadar Faedah Institusi Perbankan (%)


	Pada akhir	2000	2001	Perbezaan
Bank Perdagangan	Purata kadar berian pinjaman (ALR)	7.46	6.67	–0.79
	Tolak Purata kos dana (ACF)	3.16	2.81	–0.35
	Margin Faedah	**4.30**	**3.86**	**–0.44**
Syarikat Kewangan	Purata kadar berian pinjaman (ALR)	11.14	10.24	–0.90
	Tolak Purata kos dana (ACF)	4.06	3.93	–0.13
	Margin Faedah	**7.08**	**6.31**	**–0.77**


bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan untuk tempoh matang satu hingga 12 bulan juga menurun masing-masing kepada 3.20-4.00% dan 3.22-4.03% pada akhir bulan September (masing-masing 3.45-4.24% dan 3.46-4.27% pada akhir tahun 2000). Pada masa yang sama, BNM terus melaksanakan operasi mudah tunainya untuk mengekalkan kadar faedah antara bank pada paras semasa yang menyebabkan kadar deposit mengalami penurunan yang lebih kecil. Bagi bank perdagangan, kadar FD yang disebut untuk tempoh matang satu hingga 12 bulan menurun sebanyak 24-36 mata asas, sementara kadar FD bagi syarikat kewangan menurun sebanyak 26-50 mata asas. Kesannya, struktur terma kadar FD bertambah curam berbanding pada akhir tahun 2000.

Kadar tabungan bagi kedua-dua bank perdagangan dan syarikat kewangan berubah mengikut arah aliran yang sama seperti pergerakan kadar FD. Pada sembilan bulan pertama, kadar deposit tabungan secara amnya tidak berubah tetapi telah menurun pada bulan Oktober. Pada akhir tahun 2001, purata kadar tabungan bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan masing-masing berada pada paras 2.28% dan 2.94 % (masing-masing 2.72% dan 3.44% pada akhir tahun 2000). Dengan kadar inflasi yang hanya 1.4% pada tahun 2001, para pendeposit terus menikmati pulangan kadar benar yang positif masing-masing sebanyak 0.88% dan 1.54% bagi simpanan di bank perdagangan dan syarikat kewangan, serta 1.81% bagi FD 3 bulan di kedua-dua kumpulan institusi tersebut.

Pada tahun 2001, margin kasar kadar faedah bagi institusi perbankan terus mengecil masing-masing kepada 3.86% dan 6.31% pada akhir tahun 2001. Keadaan ini mencerminkan penurunan yang lebih besar bagi purata kadar berian pinjaman (ALR) berbanding purata kos dana (ACF). Mencerminkan penurunan kadar FD yang lebih kecil serta kadar di pasaran wang yang secara relatifnya stabil, ACF bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan juga menurun pada kadar yang lebih kecil, masing-masing sebanyak 35 dan 13 mata asas kepada 2.81% dan 3.93% pada akhir 2001. Sebaliknya, ALR bagi kedua-dua bank perdagangan dan syarikat kewangan masing-masing menurun sebanyak 79 dan 90 mata asas kepada 6.67% dan 10.24% pada akhir tahun

Graf 2.5
Kebezaan Kadar Faedah Nominal






2001. Keadaan ini disebabkan oleh persaingan yang lebih tinggi di kalangan institusi perbankan bagi menarik para peminjam, berikutan keadaan lebihan mudah tunai dan pertumbuhan ekonomi yang menyederhana. Terdapat persaingan dalam kadar faedah terutama bagi pinjaman perumahan dan sewa beli yang secara relatifnya mencerminkan permintaan kredit yang kukuh bagi kedua-dua sektor ini.

Dari segi perbandingan antarabangsa bagi kadar faedah nominal, kebezaan negatif di antara Malaysia dan Amerika Syarikat (-315 mata asas pada akhir tahun 2000) bertukar kepada positif sejak September 2001 (+139 mata asas pada akhir 2001), berikutan beberapa siri penurunan dalam kadar faedah AS pada sepanjang tahun. Kebezaan ini bertambah lebar pada lewat tahun 2001, berikutan pemotongan yang agresif dalam kadar faedah AS selepas berlaku peristiwa 11 September. Perbandingan dengan kadar faedah di Singapura pula menunjukkan bahawa kebezaan kadar faedah masih positif dan berpihak kepada Malaysia.

Bekalan wang terus meningkat pada kadar yang secara relatifnya stabil pada sebahagian besar tahun 2001. Pada sebelas bulan pertama, kadar purata pertumbuhan tahunan bagi M1, M2 dan M3 masing-masing sebanyak 6.7%, 4.2% dan 4.9%.

Graf 2.6
Bekalan Wang: Pertumbuhan Tahunan



Walau bagaimanapun, kadar pertumbuhan tersebut telah menyederhana masing-masing kepada 3.2%, 2.2% dan 2.8% pada akhir bulan Disember disebabkan terutamanya oleh asas yang tinggi pada bulan Disember 2000, serta peningkatan dalam deposit Kerajaan pada bulan Disember 2001.

Kadar kenaikan yang perlahan dalam wang secara kecil, M1 (mata wang dalam edaran dan deposit permintaan) sebanyak 3.2% pada tahun 2001 mencerminkan penurunan mata wang dalam edaran (-0.5%). Deposit permintaan juga meningkat pada kadar yang lebih perlahan iaitu sebanyak 4.7% (15.0% pada tahun 2000). Permintaan yang sederhana bagi baki urus niaga ini sebahagiannya mencerminkan aktiviti ekonomi yang lebih lemah serta pengoptimuman baki tersebut dengan meningkatnya penggunaan kad kredit. Urus niaga kad kredit sebagai nisbah kepada perbelanjaan penggunaan swasta telah meningkat daripada 8.7% pada tahun 2000 kepada 10.8% pada tahun 2001. Peningkatan yang lebih perlahan dalam deposit permintaan juga mencerminkan prestasi Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). Memandangkan urus niaga bursa saham kebiasaannya dijalankan menerusi akaun cek dengan institusi perbankan, arah aliran deposit permintaan turut juga dipengaruhi oleh perkembangan di BSKL.

Keadaan monetari adalah memuaskan untuk menyokong aktiviti ekonomi dalam negeri di samping inflasi yang rendah. Persekitaran kadar faedah yang rendah, keadaan mudah tunai yang lega dan sistem perbankan yang kukuh menyumbang kepada pembiayaan yang lebih tinggi dan peningkatan dalam agregat kewangan.


Walaupun peningkatan yang berterusan dalam wang secara luas atau M3 adalah pada kadar yang lebih perlahan (2.8%; 5.0% pada tahun 2000), pada amnya ia mencerminkan keadaan ekonomi secara keseluruhan. Mengikut komponen, terdapat peningkatan dalam deposit tabungan, repo dan deposit permintaan. Peningkatan dalam repo, sebahagiannya mencerminkan permintaan mudah tunai yang lebih tinggi. Repo memberi fleksibiliti kepada sektor korporat untuk mengurus dana tunai mereka. Deposit mata wang asing juga meningkat sebanyak RM1.3 bilion hasil daripada simpanan berkait dengan dagangan oleh perusahaan perniagaan. Walaupun terdapat peningkatan yang besar dalam deposit oleh individu, deposit tetap menurun sedikit disebabkan oleh pengeluaran deposit

Jadual 2.3
Wang Secara Luas, M3

	Perubahan (RM bilion)	
	2000	2001
M3	**21.9**	**13.0**
Mata wang[1]	–1.9	–0.1
Deposit permintaan	7.6	2.9
Separuh wang secara luas	16.2	10.2
Deposit tetap	8.2	–0.4
Deposit tabungan	6.4	4.5
NID	–0.9	0.6
Repo	–0.3	4.2
Deposit mata wang asing	2.9	1.3
Faktor Penentu		
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	4.4	–1.5
Tuntutan ke atas sektor swasta	26.0	20.3
Pinjaman	21.6	17.1
Sekuriti	4.4	3.2
Operasi luar bersih	7.3	7.6
BNM[2]	1.6	7.7
Sistem perbankan	5.7	–0.1
Pengaruh lain	–15.8	–13.4

[1] Tidak termasuk pegangan oleh institusi perbankan.
[2] Sebelum penilaian semula.

Graf 2.7
Faktor Penentu M3



oleh perusahaan perniagaan dan institusi kewangan bukan bank. Penurunan ini sebahagiannya mencerminkan peralihan kepada jenis deposit yang lain khususnya kepada repo dan juga kepada NID oleh kedua-dua entiti ini. Sementara jurang di antara kadar faedah deposit tetap dengan kadar faedah NID dan repo secara relatifnya kekal stabil, fleksibiliti yang diberikan oleh NID dan repo masing-masing dari segi kemudahan berdagang dan mudah tunai adalah lebih menarik bagi pendeposit institusi.

Dari segi pemegang, peningkatan dalam deposit hampir keseluruhannya disebabkan oleh pertambahan deposit oleh individu (RM14.3 bilion berbanding RM10.7 bilion pada tahun 2000). Peningkatan dalam deposit individu yang lebih tinggi ini mencerminkan beberapa faktor. Kenaikan gaji kakitangan Kerajaan, pengurangan dalam sumbangan kakitangan kepada KWSP serta rebat cukai yang lebih tinggi telah menyumbang kepada pendapatan boleh guna yang lebih tinggi, dan seterusnya, deposit yang lebih tinggi. Sementara kecenderungan berbelanja adalah secara relatifnya tinggi di kalangan pengguna yang menikmati rebat cukai dan berpendapatan yang lebih tinggi, terdapat juga elakan risiko berikutan keadaan ekonomi yang lemah. Kesannya, terdapat peningkatan dalam deposit tabungan dan deposit tetap walaupun penggunaan oleh sektor swasta kekal kukuh. Deposit yang lebih tinggi sebahagiannya juga mencerminkan kadar deposit benar yang positif yang secara relatifnya stabil di samping inflasi yang rendah.

Sementara itu, deposit yang lebih rendah yang dicatat oleh perusahaan perniagaan telah disebabkan oleh beberapa faktor. Pertama, ia mencerminkan secara amnya keuntungan yang lebih rendah oleh beberapa perusahaan perniagaan. Kedua, perusahaan perniagaan yang mempunyai lebihan tunai juga telah membayar balik pinjaman mereka berikutan keadaan lebihan kapasiti. Akhir sekali, kadar faedah ke atas deposit yang berjumlah besar adalah lebih rendah daripada kadar faedah yang disebut dan ini memberi satu insentif di kalangan perusahaan yang mempunyai deposit yang besar untuk melabur dana mereka dalam pelaburan yang lebih menguntungkan, seperti sekuriti hutang swasta.

Sementara deposit individu dan perusahaan perniagaan mencakupi sebahagian besar daripada perubahan dalam komponen wang secara luas, deposit oleh institusi kewangan bukan bank dan bukan pemastautin merosot pada tahun ini (masing-masing sebanyak -RM1.5 bilion dan -RM1.4 bilion). Penurunan dalam deposit institusi kewangan bukan bank sebahagiannya mencerminkan penyimpanan deposit oleh sebuah institusi kewangan bukan bank dengan BNM serta pembelian Sekuriti Kerajaan Malaysia.

Dari segi penentu, punca utama pertumbuhan dalam M3 adalah tuntutan bersih ke atas sektor swasta yang lebih tinggi (+RM20.3 bilion) serta operasi luar yang mengembang (+RM7.6 bilion). Mencerminkan kegiatan ekonomi dalam negeri yang lebih tinggi dan lebih bergantung kepada sumber pembiayaan domestik, pinjaman bank kekal kukuh (+RM16.8 bilion). Pinjaman disalurkan terutamanya kepada sektor isi rumah, memandangkan keadaan yang menggalakkan ekoran

kadar pinjaman yang kompetitif. Di samping itu, pegangan sekuriti oleh institusi perbankan juga meningkat, iaitu sebanyak RM3.2 bilion.

Operasi luar bersih (sebelum penilaian semula) juga turut menyumbang kepada peningkatan dalam M3, iaitu sebanyak RM7.6 bilion. Pada enam bulan pertama tahun ini, operasi luar bersih sektor bukan bank mencatat peningkatan sebanyak RM1.6 bilion. Walaupun rizab antarabangsa BNM mencatat penurunan sebanyak RM10 bilion (tidak termasuk kerugian bersih penilaian semula), aset luar bersih sistem perbankan pada masa yang sama meningkat sebanyak RM11.6 bilion. Institusi perbankan berusaha untuk melindung nilai terhadap peningkatan dalam pembelian hadapan yang dibuat bagi menampung risiko kadar pertukaran ke atas pembayaran import, berikutan kemudahubahan dalam pasaran pertukaran asing, terutamanya pada bulan Mac dan April tahun 2001. Di samping itu, berikutan kadar faedah asing yang lebih tinggi berbanding kadar faedah tempatan pada tempoh ini, terdapat beberapa aktiviti arbitraj kadar faedah. Keadaan ini telah berubah pada separuh kedua tahun 2001 apabila operasi luar bersih sektor bukan bank mencatat peningkatan sebanyak RM6 bilion. Peningkatan dalam rizab antarabangsa BNM sebanyak RM17.7 bilion (tidak termasuk keuntungan bersih penilaian semula) sebahagiannya telah diimbangi oleh penurunan dalam aset luar bersih sistem perbankan sebanyak RM11.7 bilion berikutan pembelian balik urus niaga hadapan serta pemulangan baki yang sebelum ini disimpan di luar negara memandangkan kebezaan kadar faedah nominal telah berubah untuk memihak kepada Malaysia mulai awal bulan September 2001.

Operasi Kerajaan telah memberi kesan menguncup yang kecil ke atas bekalan wang (-RM1.5 bilion) oleh kerana peningkatan dalam deposit (+RM5.7 bilion) telah mengimbangi tuntutan ke atas Kerajaan yang lebih tinggi (+RM4.2 bilion). Terdapat pengeluaran deposit Kerajaan yang besar daripada BNM pada awal tahun. Seterusnya, peningkatan deposit telah dicatat pada akhir setiap suku tahun, mencerminkan penerimaan hasil tiga terbitan semula dan satu terbitan baru Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) yang berjumlah RM21.5 bilion untuk keseluruhan tahun ini. Dua pinjaman luar negara, iaitu AS$1 bilion Nota 10 Tahun yang diterbitkan pada bulan Jun dan AS$540 juta pinjaman sindiket yang diperolehi pada bulan Disember yang juga telah menyumbang kepada peningkatan deposit dengan BNM. Peningkatan dalam deposit Kerajaan dengan BNM juga mencerminkan prestasi pendapatan yang lebih baik daripada yang dijangkakan.

Pengaruh lain juga memberi kesan menguncup ke atas bekalan wang. Ini termasuklah peruntukan untuk hutang lapuk yang lebih tinggi, keuntungan institusi perbankan yang lebih tinggi, serta penyimpanan deposit oleh sebuah institusi kewangan bukan bank dengan BNM sebanyak RM1.5 bilion.

Aktiviti pembiayaan terus meningkat pada tahun 2001 berikutan keadaan kadar faedah yang rendah dan mudah tunai yang mencukupi. Secara agregat, **pembiayaan melalui pinjaman yang diberikan oleh sistem perbankan (termasuk bank-bank Islam) dan sekuriti hutang swasta (PDS)** yang diterbitkan oleh sektor swasta meningkat sebanyak RM33.5 bilion atau 6% pada tahun 2001. Pinjaman yang diberikan oleh institusi perbankan (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta) meningkat sebanyak 3.6% untuk keseluruhan tahun ini. Walaupun pertumbuhan pinjaman adalah lebih kukuh pada sembilan bulan pertama (+3.5%), ia telah menyederhana pada bulan-bulan berikutnya (+0.1%). Pertumbuhan kredit yang lebih lembab pada bulan November dan Disember adalah terutamanya disebabkan bayaran balik pinjaman yang besar berikutan penyusunan semula pinjaman tidak berbayar serta pembiayaan semula pinjaman sistem perbankan melalui terbitan PDS. Tidak termasuk bayaran balik pinjaman yang besar ini, pertumbuhan kredit mungkin akan meningkat sebanyak RM20.6 bilion atau 4.5% pada tahun 2001. Termasuk pegangan PDS oleh institusi perbankan, jumlah pembiayaan oleh sistem perbankan meningkat sebanyak 5.2% pada tahun 2001.

Pembiayaan melalui pasaran PDS terus meningkat dengan kukuh, berkembang sebanyak 17% pada tahun 2001. Ini merupakan satu perkembangan yang positif memandangkan ia bukan hanya mengurangkan pergantungan yang berlebihan ke atas sistem perbankan untuk pembiayaan, malah dapat mempelbagaikan lagi risiko pembiayaan jangka panjang secara terus kepada pelabur dalam pasaran PDS. Daripada jumlah dana kasar yang diperolehi daripada pasaran PDS, bahagian yang lebih besar sebanyak 41% adalah untuk membiayai aktiviti baru, sementara selebihnya adalah untuk tujuan pembiayaan semula pinjaman (38%) dan penstrukturan semula hutang (21%). Sebaliknya, pada tahun 2000, separuh daripada terbitan PDS adalah untuk tujuan penstrukturan semula.

Pada tahun ini, pinjaman yang diluluskan adalah lebih rendah, berjumlah sebanyak RM125.6 bilion (RM134.8 bilion pada tahun 2000). Kelulusan telah

Jadual 2.4 Pembiayaan melalui Pinjaman Sistem Perbankan[1] dan PDS


	Jumlah		Perubahan		Perubahan tahunan	
	2000	2001	2000	2001	2000	2001
	RM bilion				%	
Pembiayaan oleh Sistem Perbankan	**472.1**	**496.6**	**30.0**	**24.6**	**6.8**	**5.2**
Jumlah pinjaman (1)	454.0	470.4	23.5	16.4	5.5	3.6
Pegangan PDS	18.1	26.2	6.5	8.2	56.1	45.1
Jumlah PDS [2] (2)	**100.8**	**118.0**	**22.4**	**17.1**	**28.6**	**17.0**
Jumlah (1) + (2)	**554.9**	**588.4**	**46.0**	**33.5**	**9.0**	**6.0**

[1] Termasuk bank-bank Islam
[2] Merujuk kepada jumlah PDS yang diterbitkan oleh sektor swasta dengan tempoh matang asal tidak melebihi satu tahun. Tidak termasuk sekuriti hutang yang diterbitkan oleh institusi perbankan, Khazanah, BNM, Cagamas, Danaharta dan Danamodal.
Nota: Angka-angka tidak semestinya sejumlah disebabkan oleh penggenapan.


diberikan terutamanya untuk pembelian rumah kediaman dan kereta penumpang serta kepada sektor perkilangan. Walau bagaimanapun, pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi sebanyak RM371.8 bilion (RM360.7 bilion pada tahun 2000) adalah secara meluas, disalurkan terutamanya kepada sektor perkilangan; perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel; perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan; dan pembinaan; serta untuk pembelian rumah kediaman dan kereta penumpang. Walau bagaimanapun, pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi ini hampir diimbangi oleh bayaran balik pinjaman yang sama tinggi, berjumlah sebanyak RM364 bilion (RM347.1 bilion pada tahun 2000). Dengan itu, pinjaman yang belum dijelaskan meningkat sebanyak 3.6%.

Secara keseluruhannya, pertumbuhan kredit sistem perbankan mencerminkan berian pinjaman kepada sektor isi rumah yang lebih tinggi untuk pembelian rumah kediaman dan kereta penumpang. Pinjaman kepada perusahaan perniagaan adalah lebih rendah terutamanya disebabkan pinjaman yang lebih rendah kepada sektor utiliti; pengangkutan, penyimpanan dan sektor perhubungan serta pembinaan. Walau bagaimanapun, mencerminkan pelbagai langkah untuk menggalakkan pemberian pinjaman kepada SME, pinjaman yang disalurkan kepada kumpulan ini terus meningkat sebanyak 3.1% atau RM2.2 bilion (4.3% pada tahun 2000).


Graf 2.8
Kelulusan, Pengeluaran dan Pembayaran Balik Pinjaman (RM bilion)



Graf 2.9
Pengeluaran Pinjaman pada tahun 2001



Pinjaman yang Diluluskan pada tahun 2001



Jadual 2.5
Sistem Perbankan[1]: Pinjaman mengikut Sektor


	Pada akhir tahun		Perubahan 2001	Bahagian daripada jumlah 2001
	2000	2001		
	RM bilion			%
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	12.0	12.4	0.4	2.6
Perlombongan dan kuari	1.7	1.5	–0.2	0.3
Perkilangan	68.4	68.4	…	14.5
Bekalan elektrik, gas dan air	7.8	5.3	–2.5	1.1
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	38.1	38.9	0.8	8.3
Sektor harta benda yang luas	163.2	175.8	12.6	37.4
Pembinaan	*41.1*	*40.1*	*–1.1*	*8.5*
Pembelian harta kediaman	*74.3*	*87.1*	*12.8*	*18.5*
Pembelian harta bukan kediaman	*29.4*	*29.7*	*0.3*	*6.3*
Harta tanah	*18.5*	*19.0*	*0.6*	*4.0*
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	13.9	12.5	–1.5	2.7
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	34.5	35.4	0.9	7.5
Kredit penggunaan	59.7	69.4	9.7	14.8
di antaranya:				
Kad kredit	*7.4*	*8.9*	*1.5*	*1.9*
Pembelian kereta penumpang	*37.5*	*45.5*	*8.0*	*9.7*
Pembelian sekuriti	33.6	30.4	–3.2	6.5
Pembelian kenderaan pengangkutan	1.7	2.4	0.7	0.5
Perkhidmatan sosial, masyarakat dan persendirian	6.3	6.2	–0.1	1.3
Lain-lain	13.1	11.8	–1.3	2.5
Jumlah pinjaman yang belum dijelaskan[2]	**454.0**	**470.4**	**16.4**	**100.0**
Campur: Pegangan sekuriti hutang swasta (PDS)	18.1	26.2	8.2	
Jumlah Pembiayaan	**472.1**	**496.6**	**24.6**	

[1] Termasuk bank-bank Islam
[2] Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta
Angka- angka tidak semestinya sejumlah disebabkan penggenapan

Dari segi peminjam, pinjaman kepada sektor isi rumah meningkat tinggi sebanyak 14% pada tahun 2001 (12.4% pada tahun 2000). Permintaan untuk pinjaman yang lebih kukuh oleh sektor isi rumah adalah disebabkan oleh beberapa faktor:

- Tindak balas kepada langkah-langkah monetari dan fiskal yang dilaksanakan untuk meningkatkan permintaan dalam negeri. Pendapatan boleh guna sektor isi rumah telah ditingkatkan melalui pengurangan sumbangan wajib kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan peningkatan rebat cukai pendapatan individu. Langkah lain termasuk pelaksanaan semula insentif yang ditawarkan semasa kempen pemilikan rumah seperti pengecualian duti setem dan yuran pemprosesan serta pemansuhan cukai sebanyak RM50 ke atas kad kredit.


Graf 2.10
Bilangan Kad Kredit dan Jumlah Urus Niaga



- Dalam keadaan lebihan mudah tunai, institusi perbankan lebih aktif dalam mempromosi pinjaman pengguna seperti yang dicerminkan oleh kadar faedah yang lebih kompetitif dan pakej pinjaman yang menarik untuk pinjaman perumahan, sewa beli serta kemudahan kad kredit. Berikutan kadar faedah yang rendah, terdapat juga beberapa pinjaman perumahan yang dibiayai semula.

- Institusi perbankan terus mempromosi kemudahan kad kredit secara agresif dengan menawarkan pengecualian yuran tahunan dan hadiah percuma secara terpilih untuk menambah pelanggan mereka. Hasilnya, bilangan kad kredit dalam edaran meningkat sebanyak 625,801 atau 22.2% kepada 3.4 juta pada akhir tahun 2001. Dengan itu, baki hutang kad kredit yang belum dijelaskan

Graf 2.11
Pinjaman yang diberikan kepada Isi Rumah dan Perusahaan Perniagaan



juga meningkat sebanyak RM1.5 bilion atau 21% pada tahun ini (+RM1.8 bilion atau 33.2% pada tahun 2000) kepada RM8.9 bilion pada akhir tahun 2001. Sebahagian besar daripada urus niaga kad kredit adalah untuk pembelian barangan dan perkhidmatan (89.2%) berbanding pendahuluan tunai (10.8%).

Dengan adanya promosi kad kredit secara agresif oleh institusi perbankan sejak beberapa tahun kebelakangan ini, BNM terus memantau dengan teliti perkembangan kad kredit. Daripada segi kualiti hutang kad kredit, peratusan baki hutang kad kredit yang tertunggak daripada jumlah baki hutang yang belum dijelaskan kekal rendah pada 13.3% pada tahun 2001, berbanding 23.5% pada tahun 1998. Tambahan pula, nisbah jumlah baki hutang kad kredit yang belum dijelaskan berbanding jumlah pinjaman yang belum dijelaskan kekal rendah pada 2.1% pada tahun 2001 (1.8% pada tahun 2000).

Pinjaman yang belum dijelaskan yang disalurkan kepada perusahaan perniagaan adalah lebih rendah (-1.6%) pada tahun ini mencerminkan kadar bayaran balik pinjaman yang tinggi berikutan aktiviti pembiayaan semula, dan merupakan sebahagian daripada proses penstrukturan semula hutang, serta perkembangan ekonomi yang lebih sederhana pada tahun 2001:

- Walaupun pinjaman yang dikeluarkan kepada perusahaan perniagaan kekal tinggi pada tahun 2001, ia diimbangi oleh bayaran balik pinjaman yang sama tinggi. Ini sebahagiannya mencerminkan pembiayaan semula pinjaman untuk mengambil peluang daripada kadar faedah yang paling rendah dalam sejarah dan pinjaman untuk keperluan modal kerja jangka pendek berbanding pinjaman untuk tujuan pelaburan jangka panjang.

- Kejayaan perlaksanaan skim penyusunan semula hutang syarikat transit aliran ringan oleh Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC) juga menyebabkan beberapa pinjaman tidak berbayar (RM2.9 bilion) dikeluarkan daripada buku pinjaman institusi perbankan.

- Terdapat juga beberapa pembiayaan semula melalui pasaran PDS untuk mengurangkan kos operasi syarikat.

- Terdapat lebih banyak syarikat memperolehi dana melalui pasaran modal pada tahun ini. Ini terbukti dengan lebih banyak terbitan kasar sekuriti hutang swasta untuk membiayai aktiviti baru yang berjumlah sebanyak RM13.9 bilion atau 41% (RM9.2 bilion atau 32% pada tahun 2000) untuk memastikan bayaran pinjaman pada kadar tetap yang rendah untuk jangka masa yang panjang.


- Masih terdapat lebihan kapasiti di beberapa industri di samping ketidakpastian mengenai prospek ekonomi dunia dan kesan buruknya ke atas Malaysia.

Oleh itu, pinjaman baru perusahaan perniagaan yang diluluskan adalah lebih rendah, iaitu sebanyak 12.5% pada tahun 2001 dan mencakup bahagian yang lebih kecil daripada jumlah pinjaman baru yang diluluskan (50.9%; 54.2% pada tahun 2000).


Sementara itu, beberapa langkah yang diperkenalkan untuk kemudahan akses kepada pinjaman bagi SME dan sektor pertanian telah menghasilkan penyaluran pinjaman yang lebih tinggi kepada kumpulan-kumpulan ini. Pinjaman yang diberikan kepada SME terus meningkat sebanyak RM2.2 bilion atau 3.1% pada tahun 2001 (+RM2.9 bilion atau 4.3% pada tahun 2000). Pinjaman kepada SME adalah meluas, dengan sebahagian besarnya disalurkan kepada sektor harta benda secara luas, dagangan borong dan runcit, serta sektor utiliti dan pengangkutan. Pinjaman kepada sektor pertanian juga terus meningkat sebanyak RM435 juta atau 3.6%. Secara keseluruhannya, nisbah pinjaman yang disalurkan kepada SME berbanding jumlah pinjaman yang belum dijelaskan kekal tinggi pada 17.7% pada akhir tahun 2001 (17.8% pada akhir tahun 2000).

Di antara langkah-langkah yang dilaksanakan untuk menggalakkan berian pinjaman kepada SME termasuk meningkatkan mutu proses kelulusan pinjaman di institusi perbankan dan mempromosi sumber pembiayaan alternatif termasuk modal teroka; penubuhan unit yang khusus di BNM untuk memantau aduan pinjaman dan satu unit di setiap

Graf 2.12
Kadar Pertukaran Ringgit Malaysia berbanding Mata Wang Utama



Graf 2.13
Prestasi Ringgit Malaysia berbanding Mata Wang Serantau Terpilih



Nota: Peningkatan indeks melambangkan peningkatan nilai mata wang tersebut berbanding ringgit.

institusi perbankan untuk menguruskan pinjaman yang bermasalah; dan penubuhan Unit Pembangunan Bumiputera di BNM yang menyediakan khidmat nasihat kewangan kepada usahawan Bumiputera. Langkah-langkah tambahan yang diperkenalkan pada tahun 2001 termasuk langkah-langkah berkaitan tabung khas yang diperkenalkan pada bulan April, Julai dan Oktober, untuk mengembangkan skop dan saiz dana; mengurangkan kadar berian pinjaman, dan melonggarkan kriteria dan syarat-syarat beberapa tabung khas yang terpilih

AS$1=RM3.80 pada tahun 2001. Kadar pertukaran ringgit berbanding mata wang yang lain ditentukan melalui kadar silang, berdasarkan kepada pergerakan dolar AS berbanding mata wang tersebut di pasaran mata wang antarabangsa.

Pasaran pertukaran asing antarabangsa mengalami kemudahubahan yang tinggi pada tahun 2001. Yen Jepun susut nilai secara mendadak berbanding dolar AS pada awal tahun berikutan prospek pertumbuhan ekonomi Jepun yang semakin membimbangkan.

Rejim kadar pertukaran tetap ringgit terus memberi kestabilan di pasaran pertukaran asing dalam negeri dalam persekitaran pasaran pertukaran asing antarabangsa dan serantau yang mudah ubah.

(lihat rencana berkenaan Langkah-langkah Monetari pada tahun 2001). Langkah-langkah ini telah membuahkan hasil yang positif seperti yang dicerminkan oleh peningkatan dalam bilangan permohonan yang diluluskan di bawah Tabung Untuk Makanan (3F), Tabung Usahawan Baru (NEF) dan Tabung untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana 2 (FSMI 2) masing-masing sebanyak 26.4%, 23.1% dan 291.7% (masing-masing sebanyak +5.2% dan +13.8% untuk 3F dan NEF pada tahun 2000). Pengeluaran pinjaman untuk dana-dana ini juga adalah lebih tinggi, masing-masing berjumlah RM183 juta, RM225 juta dan RM169 juta pada tahun 2001 (masing-masing sebanyak RM81 juta, RM132 juta dan RM43 juta pada tahun 2000).

PERKEMBANGAN KADAR PERTUKARAN

Kadar pertukaran ringgit Malaysia terus ditetapkan kepada dolar Amerika Syarikat (AS) pada kadar

Seterusnya, yen Jepun naik nilai berbanding dolar AS mulai pertengahan bulan Julai disebabkan oleh kebimbangan pasaran mengenai kelemahan ekonomi AS, yang menjadi semakin lemah berikutan peristiwa 11 September. Menjelang akhir tahun, yen Jepun sekali lagi mengalami arah aliran yang menurun. Kadar pertukaran euro juga mengalami kemudahubahan pada tahun 2001.

Ringgit naik nilai berbanding yen Jepun (14.4%), euro (5.0%) dan paun sterling (2.7%) selaras dengan pergerakan dolar AS di pasaran pertukaran antarabangsa. Walau bagaimanapun, berikutan penetapan nilai ringgit kepada dolar AS, ekonomi Malaysia telah terhindar daripada pergerakan mata wang yang keterlaluan. Memandangkan kebanyakan daripada urus niaga luar Malaysia dikendalikan dalam mata wang dolar AS, kadar pertukaran tetap ringgit terus memberi kestabilan kepada pasaran pertukaran mata wang domestik

Jadual 2.6
Perkembangan Ringgit

	RM berbanding satu mata wang asing [1]				Perubahan tahunan (%)		Perubahan (%)	
	1997	1998	2000	2001	2000	2001	Akhir-Jun '97-Dis.2001	2 Sep. '98-Dis.2001
	Akhir-Jun	Sept.[2]	Akhir-Dis.					
Komposit	102.47	72.11	70.86	73.34	3.2	3.5	–28.4	1.7
SDR	3.5030	5.1177	4.9511	4.7714	5.2	3.8	–26.6	7.3
AS$	2.5235	3.8000	3.8000	3.8000	0.0	0.0	–33.6	0.0
S$	1.7647	2.1998	2.1946	2.0529	3.9	6.9	–14.0	7.2
100 Yen	2.2088	2.7742	3.3121	2.8955	12.1	14.4	–23.7	–4.2
Paun Sterling	4.1989	6.3708	5.6662	5.5161	8.3	2.7	–23.9	15.5
Mark Jerman	1.4522	2.1743	1.8064	1.7211	8.5	5.0	–15.6	26.3
Franc Switzerland	1.7368	2.6450	2.3234	2.2757	2.6	2.1	–23.7	16.2
Euro [3]	–	–	3.5331	3.3662	8.5	5.0	–	–
100 Baht Thai	9.7470	9.3713	8.7790	8.6022	15.3	2.1	13.3	8.9
100 Rupiah Indonesia	0.1038	0.0354	0.0395	0.0365	37.2	8.2	184.4	–3.0
100 Won Korea	0.2842	0.2827	0.3022	0.2883	11.0	4.8	–1.4	–1.9
100 Peso Filipina	9.5878	8.8302	7.6053	7.3644	24.7	3.3	30.2	19.9

[1] Kadar AS$ ialah kadar purata belian dan jualan pada pukul 12.00 tengahari di Pasaran Pertukaran Asing Antara Bank Kuala Lumpur. Kadar bagi mata wang asing selain daripada AS$ adalah kadar silang yang diperoleh daripada kadar mata wang asing tersebut berbanding AS$ dan kadar RM/AS$.

[2] Ringgit ditetapkan pada AS$1=RM3.8000 pada 2 September 1998.

[3] Euro mula diperdagangkan pada 4 Januari 1999 (EUR 1= RM4.5050).

dalam suasana pasaran antarabangsa dan serantau yang mudah ubah. Kestabilan yang didapati telah dapat mengurangkan ketidaktentuan dalam proses perancangan aktiviti pelaburan pengilang dan pengeluar perkhidmatan dalam negeri.

Di peringkat serantau, ringgit naik nilai berbanding semua mata wang serantau dalam lingkungan 2.1% ke 8.2% pada tahun 2001. Pergerakan mata wang didorong oleh kebimbangan pasaran berhubung kesan kemerosotan ekonomi AS ke atas prospek pertumbuhan ekonomi serantau. Penyusutan nilai yen Jepun juga membawa kepada penyusutan nilai mata wang serantau disebabkan oleh faktor teknikal dan sentimen. Tambahan lagi, perkembangan politik domestik memberi tekanan menurun ke atas rupiah Indonesia dan peso Filipina.

Dari segi kadar pertukaran efektif nominal wajaran dagangan (NEER), nilai ringgit telah meningkat sebanyak 5.5% pada tahun ini selaras dengan peningkatan dalam nilai dolar AS. Peningkatan nilai dolar AS berbanding mata wang lain di dalam kumpulan wajaran dagangan Malaysia adalah disebabkan terutamanya oleh jangkaan pulangan yang lebih tinggi ke atas aset yang dinilai dengan dolar AS berikutan prospek pertumbuhan ekonomi AS yang lebih baik berbanding ekonomi G-7 yang lain. Namun begitu, semenjak bulan September 1998, NEER ringgit hanya naik nilai sebanyak 3%. Berikutan peningkatan nilai ringgit yang agak kecil, nilai ringgit kekal pada penilaian yang wajar. Ia juga disokong dengan baik oleh asas-asas makroekonomi yang lebih kukuh. Kadar inflasi dan hutang luar negara yang rendah, imbangan luar negara yang kukuh, tahap rizab yang lebih tinggi dan sistem perbankan yang kukuh telah menyediakan suasana yang lebih baik untuk Malaysia.

DASAR FISKAL DAN OPERASI

Belanjawan Tahun 2001 telah dirumuskan semasa prospek ekonomi global tidak menentu, terutama dari segi tahap dan jangka masa keadaan kelembapan ekonomi negara-negara perindustrian utama. Memandangkan Malaysia merupakan sebuah ekonomi yang terbuka, kelembapan pertumbuhan global akan menjejaskan prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia. Berikutan risiko yang terdapat dalam perkembangan ini, teras utama Belanjawan Tahun 2001 bertujuan untuk mendorong permintaan dalam negeri, mengukuhkan daya saing negara dan mencapai agenda masyarakat penyayang.

Oleh kerana prospek ekonomi global adalah tidak menentu, aktiviti sektor swasta adalah lemah dan terdapat lebihan kapasiti dalam kebanyakan sektor, dasar fiskal kitaran balas adalah penting untuk terus menggiatkan aktiviti ekonomi dalam negeri. Oleh yang demikian, Kerajaan telah mengekalkan belanjawan yang mengembang melalui peruntukan yang lebih tinggi bagi perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan. Walau bagaimanapun, defisit fiskal dianggarkan sebanyak RM16.5 bilion atau -4.7% daripada KDNK (Oktober 2000), iaitu lebih kecil daripada defisit fiskal sebanyak 5.8% daripada KDNK pada tahun 2000. Pada masa itu, KDNK benar bagi tahun 2001 dijangka

Disiplin fiskal serta pengumpulan aset di masa lalu dan hutang Kerajaan yang rendah telah memberi fleksibiliti kepada Kerajaan untuk melaksanakan dasar fiskal yang mengembang untuk menyokong pertumbuhan. Defisit fiskal sebenar adalah lebih rendah daripada anggaran awal berikutan hasil yang lebih tinggi.

meningkat dengan sederhana dengan ekonomi Amerika Syarikat dijangka pulih pada separuh kedua tahun 2001. Dalam keadaan ini, defisit yang lebih kecil adalah sejajar dengan komitmen Kerajaan untuk mengamalkan dasar fiskal yang berhemat dan berdisiplin dalam pengurusan kewangan untuk mengekalkan ketahanan dan fleksibiliti fiskal jangka panjang.

Fokus peruntukan belanjawan juga adalah untuk memastikan kesan yang maksimum ke atas pertumbuhan dan memastikan aliran keluar dana yang minimum supaya kedudukan imbangan pembayaran kekal kukuh. Dengan itu, peruntukan telah diberikan kepada projek dan program yang akan mendorong permintaan dalam negeri dan memperkukuhkan produktiviti Malaysia pada jangka masa panjang. Dari segi strategi, Belanjawan Tahun 2001 mengamalkan dua pendekatan: mendorong pertumbuhan dalam negeri menerusi peruntukan untuk projek yang mempunyai rangkaian dalam negeri yang kukuh dan kandungan import yang rendah; dan mendorong permintaan dalam negeri menerusi pertambahan dalam pendapatan boleh guna. Peningkatan dalam pendapatan dapat dilaksanakan menerusi langkah-langkah cukai dan bukan cukai termasuk rebat cukai individu yang lebih tinggi dan elaun yang lebih tinggi untuk kakitangan kerajaan dalam kategori tertentu. Dalam peruntukan perbelanjaan untuk meningkatkan aktiviti ekonomi, Kerajaan bukan sahaja memberi tumpuan kepada projek yang boleh dilaksanakan dengan cepat untuk mendapat kesan maksimum ke atas permintaan dalam negeri, tetapi juga memenuhi objektif jangka masa panjang untuk meningkatkan produktiviti. Oleh itu, sebahagian besar peruntukan perbelanjaan telah diberi kepada projek berkaitan pendidikan, pembangunan infrasktruktur dan industri.

Bagi menyokong strategi ini, insentif telah diperkenalkan untuk mengukuhkan lagi asas bagi menjana pertumbuhan jangka masa panjang yang kukuh. Untuk tujuan ini, pelbagai insentif fiskal telah disediakan untuk menjana sumber-sumber pertumbuhan yang baru, meningkatkan daya saing dan daya tahan negara menerusi pembangunan tenaga kerja mahir, kemahiran dalam teknologi dan mewujudkan perkongsian strategik dengan rakan antarabangsa dalam sektor perkhidmatan. Langkah-langkah juga diambil untuk meningkatkan keupayaan pasaran kewangan supaya lebih dinamik, inovatif dan efisien bagi menyokong pertumbuhan ekonomi, terutamanya apabila ekonomi berubah kepada ekonomi berasaskan pengetahuan.

Pada awal tahun 2001, terdapat tanda-tanda yang lebih ketara bahawa kelembapan ekonomi Amerika Syarikat akan menjadi bertambah buruk dengan prospek pemulihan lebih awal tidak akan berlaku. Prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun 2001 telah diturunkan kepada 1-2% daripada sebanyak 7% seperti yang diumumkan pada bulan Oktober 2000. Kesan ke atas sektor luar dijangka lebih teruk berikutan penurunan yang lebih besar dalam pertumbuhan ekonomi global. Dengan prospek yang semakin tidak menentu, Kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah awalan untuk mengekalkan momentum pertumbuhan. Pada 27 Mac 2001, Kerajaan telah mengumumkan satu pakej langkah rangsangan fiskal untuk mengukuhkan permintaan dalam negeri. Langkah-langkah ini termasuk rangsangan fiskal tambahan sebanyak RM3 bilion, pengurangan sumbangan bahagian pekerja kepada KWSP sebanyak dua mata peratusan bagi satu tahun dan penghapusan cukai ke atas kad kredit. Projek yang telah dikenal pasti di bawah pakej ini adalah bagi projek yang mempunyai kesan pengganda yang tinggi, kandungan import yang rendah dan tempoh pelaksanaan yang pendek. Peruntukan yang lebih tinggi telah diberikan kepada perkhidmatan sosial, khususnya bagi pendidikan dan latihan serta perumahan kos rendah. Pada masa yang sama, Kerajaan juga telah melaksanakan beberapa langkah untuk menggalakkan pelaburan swasta. Ini termasuk langkah-langkah mengurangkan harta yang masih tidak dijual dan pembiayaan tambahan untuk industri kecil dan sederhana dengan meluaskan saiz dan skop serta mengurangkan kadar berian pinjaman dana khas.

Seterusnya, apabila terdapat peningkatan risiko bahawa permintaan dalam negeri bertambah lemah berikutan peristiwa 11 September, satu lagi pakej rangsangan fiskal sebanyak RM4.3 bilion telah diumumkan pada 25 September, iaitu sebelum pengumuman Belanjawan Tahun 2002. Selain daripada mengekal dan mengurangkan kesan yang buruk akibat daripada kejatuhan permintaan global, rangsangan fiskal juga bertujuan untuk mengimbangi kesan negatif ke atas golongan miskin dan tidak bernasib baik, meningkatkan peluang pendapatan bagi perusahaan yang kecil dan membantu perniagaan runcit. Pakej rangsangan fiskal yang baru ini diperuntukkan untuk projek-projek kecil yang mana dana boleh dikeluarkan dengan segera. Projek-projek yang telah dikenal pasti adalah bagi projek pembangunan kecil di luar bandar dan kawasan bandar yang terpilih, menaik taraf kemudahan dan bangunan Kerajaan, melatih pekerja yang diberhentikan dan graduan yang menganggur dan meningkatkan promosi pelancongan. Pengumuman awal rangsangan fiskal sebelum Belanjawan Tahun 2002 bertujuan untuk memberi masa yang mencukupi bagi perbelanjaan yang lebih tinggi untuk memberi kesan ke atas aktiviti ekonomi pada beberapa bulan terakhir tahun 2001.

Berikutan pengenalan dua pakej rangsangan fiskal tersebut, defisit fiskal dijangka lebih tinggi daripada defisit sebanyak 5.8% yang dicatatkan pada tahun 2000. Usaha-usaha telah dilaksanakan untuk membendung anggaran defisit belanjawan pada paras 6.5% daripada KDNK atau sebanyak RM22.4 bilion. Paras ini didapati berhemat dan tidak akan menimbulkan risiko jangka panjang. Walau bagaimanapun, defisit fiskal sebenar adalah lebih kecil. Kecekapan dalam pungutan cukai dengan aktiviti ekonomi yang masih kekal tinggi telah mengakibatkan kutipan hasil cukai sebenar lebih tinggi daripada yang dianggarkan. Perbelanjaan menepati sasaran dengan kekurangan perbelanjaan dikawal di bawah 5% daripada jumlah peruntukan. Berikutan hasil yang lebih kukuh, defisit fiskal yang lebih kecil sebanyak RM18.4 bilion atau -5.5% daripada KDNK telah dicapai berbanding dengan anggaran sebelumnya sebanyak -6.5% daripada KDNK.

Dalam melaksanakan program rangsangan fiskal, adalah perlu untuk mengambil langkah-langkah untuk mengatasi pengeluaran dana yang lambat, terutamanya pada awal tahun 2001. Prosedur yang sedia ada telah diubah suai bagi meningkatkan kecekapan dalam pelaksanaan projek, mempercepatkan pembayaran kepada kontraktor dan menghapuskan kerenah birokrasi. Selain daripada menyemak semula prosedur, peraturan dan garis panduan bagi pelaksanaan projek pembangunan dan perolehan dan bayaran kepada kontraktor, pelaksanaan projek juga dikawal dengan lebih rapi.

Fiskal yang berhemat pada tahun-tahun yang lepas dan pengumpulan aset semasa pertumbuhan ekonomi adalah baik telah memastikan Kerajaan mempunyai sumber yang banyak untuk membiayai dasar fiskal yang mengembang. Walaupun defisit belanjawan telah dicatatkan berikutan langkah-langkah kitar balas yang dilaksanakan semenjak tahun 1998, defisit-defisit ini tidak menimbulkan ketidakseimbangan dalam ekonomi makro. Sebaliknya, program rangsangan fiskal telah menyumbang secara positif dalam menggalakkan sumber pertumbuhan dalam negeri, dengan itu memastikan kestabilan ekonomi dan meningkatkan daya tahan untuk menghadapi kesan buruk daripada perkembangan luar. Pada masa yang sama, Kerajaan mengekalkan amalan yang berhemat dan mengelak daripada dasar fiskal mengembang yang berlebihan. Dalam hal ini, sasaran Kerajaan adalah mencapai kedudukan seimbang dalam akaun semasa dalam belanjawan kerajaan. Ini telah dicapai dengan memastikan perbelanjaan mengurus tidak melebihi anggaran hasil.

Dorongan permintaan berikutan dasar kitar balas telah berkesan dalam mengekalkan permintaan dalam negeri bagi mengimbangi penurunan yang mendadak dalam permintaan eksport. Tindakbalas positif dalam perbelanjaan pengguna terhadap langkah-langkah Kerajaan telah mengekalkan jumlah perbelanjaan penggunaan, yang mencakup sebanyak 59% daripada pertumbuhan KDNK. Oleh itu, permintaan dalam negeri merupakan penggerak utama pertumbuhan ekonomi pada tahun 2001. Sumbangan perbelanjaan kerajaan kepada keluaran dalam negeri adalah lebih tinggi iaitu sebanyak 31% pada tahun 2001 berbanding dengan 27% pada tahun 2000. Perbelanjaan ini telah menyokong aktiviti pelaburan dan dengan itu penurunan dalam pembentukan modal telah dapat dibendung. Perbelanjaan sektor awam, secara keseluruhannya menyumbang sebanyak 3.8 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK benar pada tahun 2001. Pada masa yang sama, perbelanjaan sektor awam tidak menjejaskan kedudukan imbangan pembayaran yang kukuh. Tambahan lagi, manfaat daripada program rangsangan fiskal juga akan memperkukuhkan prospek pertumbuhan jangka panjang ekonomi Malaysia.

Walaupun pengembangan fiskal telah menyumbang kepada pertumbuhan KDNK, ia tidak memberi tekanan ke atas harga pengguna dalam negeri dan kadar faedah. Kadar tabungan yang tinggi dan mudah tunai yang lega telah membolehkan sebahagian besar defisit fiskal dibiayai melalui sumber dalam negeri yang tidak bersifat inflasi menerusi penerbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM). Terbitan SKM yang besar telah dilanggan terutamanya oleh kumpulan wang amanah pencen dan insurans. Selain daripada memenuhi keperluan pembiayaan, program pinjaman dalam negeri Kerajaan Persekutuan juga bertujuan untuk menyediakan kelok hasil tanda aras bagi menyokong pembangunan pasaran bon tempatan. Jadual terbitan bagi sekuriti kerajaan juga disiarkan untuk meningkatkan ketelusan dan membantu para pelabur merumus strategi pelaburan mereka. Oleh kerana terdapat mudah tunai yang mencukupi dalam sistem perbankan untuk memenuhi keperluan pembiayaan sektor swasta, keperluan pembiayaan Kerajaan tidak menjejaskan sektor swasta. Bahkan, perkembangan ini telah menyebabkan terbitan SKM yang baru ditawarkan pada kadar kupon yang rendah sejajar dengan penurunan kadar faedah di sepanjang tahun 2001.

Pada tahun 2001, dengan mengambil peluang daripada keadaan pasaran yang memuaskan dan kadar faedah yang rendah, Kerajaan juga memperolehi pinjaman luar negara menerusi pasaran modal dan pinjaman antarabangsa. Pada tahun ini, dua pinjaman pasaran telah dibuat untuk mengekalkan kehadiran dalam pasaran serta menyediakan tanda aras bagi sektor korporat. Sementara itu, tidak ada pinjaman baru diperoleh daripada sumber-sumber dua hala dan pelbagai hala. Kerajaan terus mengeluarkan pinjaman yang diperoleh daripada kedua-dua sumber dua hala yang terdahulu, terutamanya daripada Inisiatif Miyazawa baru serta sumber pelbagai hala.

Pinjaman yang lebih besar telah meningkatkan hutang Kerajaan Persekutuan kepada RM145.7 bilion atau 43.8% daripada KDNK pada akhir tahun 2001. Paras hutang ini kekal rendah dan terurus. Kos faedah hanya mencakup sebanyak 15% daripada perbelanjaan mengurus pada tahun 2001. Yang pentingnya, sebanyak 83% daripada jumlah hutang Kerajaan adalah hutang dalam negeri dan dalam denominasi ringgit. Oleh itu, hutang dalam negeri tidak menghadapi risiko kadar pertukaran asing. Sebagai sebahagian daripada dasar hutang yang berhemat, Kerajaan akan terus melaksanakan dasar berhemat dalam membuat pinjaman luar negara untuk memastikan paras hutang luar negara kekal rendah.

Jadual 2.7
Kewangan Sektor Awam Disatukan

	2000	2001*a*	2002*r*
	RM juta		
Sektor kerajaan [1]			
Hasil	76,002	92,937	87,692
Perbelanjaan mengurus	64,445	72,295	74,437
Lebihan semasa sektor kerajaan	11,556	20,642	13,255
Lebihan semasa PABK [2]	41,204	31,303	33,493
Lebihan semasa sektor awam	**52,760**	**51,945**	**46,748**
% daripada KDNK	**15.5**	**15.6**	**13.3**
Perbelanjaan pembangunan bersih	50,438	68,161	57,766
Sektor kerajaan	*27,078*	*33,934*	*30,028*
PABK	*23,360*	*34,227*	*27,737*
Imbangan keseluruhan	**2,322**	**–16,215**	**–11,018**
% daripada KDNK	**0.7**	**–4.9**	**–3.1**

[1] Terdiri daripada Kerajaan Persekutuan, kerajaan-kerajaan negeri, badan-badan berkanun dan kerajaan tempatan
[2] Merujuk kepada 37 buah PABK
a Anggaran
r Ramalan

Sumber: Kementerian Kewangan, kerajaan-kerajaan negeri dan perusahaan awam bukan kewanga

Sektor Awam yang Disatukan

Pada tahun 2001, kedudukan kewangan sektor awam yang disatukan terus mencatat lebihan yang besar dalam akaun semasa berikutan prestasi hasil sektor kerajaan yang lebih baik. Walau bagaimanapun, perbelanjaan pembangunan yang lebih tinggi oleh Kerajaan Persekutuan dan perusahaan awam bukan kewangan (PABK) bagi menggalakkan aktiviti ekonomi, telah mengakibatkan defisit keseluruhan sebanyak 4.9% daripada KDNK.

Kewangan Kerajaan Persekutuan

Keadaan luar negara yang terus lemah dan kesan negatifnya ke atas ekonomi dalam negeri telah mendorong Kerajaan untuk melaksanakan program dorongan fiskal yang lebih agresif. Walaupun terdapat pertambahan dalam peruntukan terutamanya daripada pelaksanaan dua pakej dorongan fiskal, Kerajaan Persekutuan telah mencatat defisit fiskal yang lebih rendah, iaitu sebanyak RM18.4 bilion atau -5.5% daripada KDNK pada tahun 2001. Defisit ini adalah nyata lebih rendah daripada anggaran awal sebanyak RM22.4 bilion atau -6.5% daripada KDNK disebabkan terutamanya oleh hasil yang lebih tinggi.

Jadual 2.8
Kewangan Kerajaan Persekutuan

	2000	2001a	Belanjawan 2002
		RM juta	
Hasil	61,864	79,567	
Perbelanjaan mengurus	56,547	63,757	65,342
Akaun semasa	**5,317**	**15,810**	**7,825**
% daripada KDNK	**1.6**	**4.8**	**2.1**
Perbelanjaan pembangunan bersih	25,032	34,232	26,689
Perbelanjaan pembangunan kasar	*27,941*	*35,235*	*28,382*
Tolak terimaan balik pinjaman	*2,909*	*1,003*	*1,700*
Imbangan keseluruhan	**–19,715**	**–18,422**	**–18,857**
% daripada KDNK	**–5.8**	**–5.5**	**–5.1**
Sumber-sumber pembiayaan			
Peminjaman dalam negeri bersih	12,714	13,381	–
Peminjaman kasar	*23,182*	*23,500*	–
Tolak pembayaran balik	*10,468*	*10,119*	–
Peminjaman luar negeri bersih	864	6,295	–
Peminjaman kasar	*4,767*	*7,030*	–
Tolak pembayaran balik	*3,903*	*735*	–
Penerimaan khas	13	6	–
Harta boleh jual[1] dan penyesuaian	6,123	–1,259	–
Jumlah	**19,715**	**18,422**	–

[1] Termasuk perubahan dalam baki Tabung Amanah Kerajaan. Pertambahan dalam harta boleh jual terkumpul ditunjukkan dengan tanda tolak (–).
[2] Termasuk kehilangan hasil bersih sebanyak RM234 juta daripada perubahan cukai untuk tahun 2002.
a Awalan


Sumber: Kementerian Kewangan

Pada tahun 2001, **hasil** Kerajaan Persekutuan mencatat peningkatan sebanyak 28.6% atau RM17.7 bilion kepada RM79.6 bilion atau 23.9% daripada KDNK. Hasil kutipan yang lebih baik daripada yang dijangkakan adalah disebabkan terutamanya oleh prosedur pengutipan pendapatan cukai yang bertambah baik serta bayaran dividen yang lebih tinggi daripada agensi-agensi kerajaan. Secara agregat, peningkatan hasil diperolehi daripada kesemua kategori hasil, terutamanya cukai langsung.


Kutipan **cukai** yang lebih tinggi diperolehi berikutan aktiviti ekonomi yang terus meningkat, kutipan daripada pembayaran cukai yang lewat bagi tahun taksiran 2000 serta harga minyak yang lebih tinggi pada tahun lepas. Ia juga mencerminkan kejayaan dalam meluaskan asas cukai dan usaha gigih untuk meningkatkan kecekapan dalam kutipan cukai. Khususnya, pematuhan cukai telah dipertingkatkan lagi dengan meningkatkan kesedaran orang awam dalam membayar cukai dan duti serta memastikan penguatkuasaan yang lebih ketat untuk mengurangkan pengelakan pembayaran cukai. Oleh itu, nisbah penerimaan cukai kepada KDNK meningkat kepada 18.5% daripada 13.8% pada tahun 2000, hampir kepada tahap sebelum krisis pada tahun 1997.

Kutipan cukai pendapatan meningkat dengan nyata, yang seterusnya meningkatkan nisbahnya kepada separuh daripada jumlah hasil (44% setahun yang lalu). Ini mencerminkan harga petroleum yang lebih tinggi pada tahun 2000 (asas cukai untuk tahun 2001) serta prestasi sektor korporat yang bertambah baik, dengan kurangnya kerugian pada tahun lepas yang dibawa ke hadapan untuk mengimbangi keuntungan tahun ini. Tambahan lagi, sebahagian daripada cukai syarikat yang sepatutnya dibayar pada tahun 2000 telah dikutip pada tahun 2001 oleh kerana bayaran


Graf 2.14
Kewangan Kerajaan Persekutuan



Hutang Kerajaan Persekutuan



Graf 2.15
Komposisi Hasil Kerajaan Persekutuan, 2001 (% bahagian)



secara ansuran dibenarkan semasa tempoh peralihan berikutan pengenalan sistem taksiran tahun semasa pada tahun 2000. Kutipan daripada cukai pendapatan individu juga meningkat, walaupun peruntukan rebat yang lebih tinggi diberi kepada individu seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 2001 untuk menggalakkan penggunaan. Rebat untuk individu dinaikkan daripada RM110 kepada RM350 dan daripada RM60 kepada RM350 untuk isteri.

Penjualan kenderaan bermotor yang lebih tinggi telah menyumbang kepada perolehan cukai eksais dan cukai jualan yang lebih tinggi. Kutipan hasil juga dipertingkatkan oleh kenaikan dalam kadar cukai jualan ke atas tembakau dan rokok dan minuman keras. Perolehan daripada cukai perkhidmatan juga adalah lebih tinggi terutamanya kerana kutipan yang lebih tinggi daripada perkhidmatan profesional dan penyelarasan cukai perkhidmatan ke atas semua jenis perkhidmatan telekomunikasi (kecuali internet), kemudahan permainan golf dan lapang sasar golf, semua tempat awam yang menjual minuman keras dan agen penghantar. Namun demikian, kenaikan perolehan cukai perkhidmatan ini menyederhana berikutan pemansuhan cukai perkhidmatan sebanyak RM50 bagi setiap kad kredit, yang merupakan sebahagian daripada langkah rangsangan fiskal untuk menggalakkan penggunaan.

Walau bagaimanapun, komponen utama lain bagi **cukai tidak langsung** mencatat penurunan dalam kutipan. Perolehan duti import yang lebih rendah dicatat dalam kesemua kategori barangan terutamanya kenderaan bermotor, tembakau dan rokok serta mesin-mesin dan alat ganti. Penurunan dalam kutipan hasil daripada mesin-mesin dan alat

Jadual 2.9
Hasil Kerajaan Persekutuan

	2000	2001*a*	2000	2001*a*
	RM juta		Perubahan Tahunan %	
Hasil cukai	**47,173**	**61,492**	**4.0**	**30.4**
% daripada KDNK	**13.8**	**18.5**		
Cukai langsung	29,156	42,097	7.0	44.4
Cukai pendapatan	27,016	40,135	7.4	48.6
Syarikat	*13,905*	*20,770*	*–11.7*	*49.4*
Petroleum	*6,010*	*9,858*	*110.4*	*64.0*
Individu	*7,015*	*9,436*	*9.3*	*34.5*
Koperasi	*87*	*70*	*–39.0*	*–19.2*
Cukai keuntungan harta tanah	247	227	–13.9	–8.3
Duti setem	1,799	1,650	14.9	–8.3
Lain-lain	94	85	–59.8	–9.4
Cukai tak langsung	18,017	19,395	–0.5	7.6
Duti eksport	1,032	867	53.9	–16.0
Duti import	3,599	3,193	–23.8	–11.3
Duti eksais	3,803	4,130	–19.5	8.6
Cukai jualan	5,968	7,356	33.0	23.3
Cukai perkhidmatan	1,701	1,927	16.6	13.3
Lain-lain	1,914	1,922	–6.2	0.4
Hasil bukan cukai dan penerimaan bukan hasil	**14,691**	**18,075**	**10.2**	**23.0**
Jumlah hasil	**61,864**	**79,567**	**5.4**	**28.6**
% daripada KDNK	**18.2**	**23.9**		

a Awalan

Sumber : Kementerian Kewangan

Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk Memperbaiki Pelaksanaan Projek

Bagi menghapuskan karenah birokrasi:

- Satu pasukan petugas di Kementerian Kewangan telah ditubuhkan untuk memantau kemajuan, mengenalpasti dan menangani masalah pelaksanaan bagi memastikan semua langkah di bawah program dorongan fiskal dapat dilaksanakan dengan berkesan.

- Menubuhkan *"Flying Squad"* bagi memastikan pembangunan sektor awam dan projek yang diswastakan dilaksanakan mengikut jadual.

- Bagi memastikan projek pembangunan dilaksanakan mengikut jadual, semua agensi pelaksana wajib mengemukakan laporan kemajuan projek secara bulanan kepada pihak atasan.

- Bagi kementerian yang gagal membelanjakan sepenuhnya peruntukan yang disediakan, Kerajaan akan menarik balik dan mengagihkan semula peruntukan tersebut kepada kementerian lain.

Bagi mempercepatkan pelaksanaan projek:

- Semua kementerian dan agensi pelaksana diberi kuasa untuk meluluskan tender.

- Bagi mengurangkan proses, Kerajaan akan melantik perunding pengurusan projek (PMC) untuk menyelia projek sektor awam dan menawarkan projek-projek secara *turnkey* dan berdasarkan *design-and-build.*

- Bagi memudahkan projek bermula, semua kontraktor yang melaksanakan projek kerajaan telah diberikan bayaran pendahuluan sebanyak 15%, sementara bagi yang melaksanakan projek kecil di bawah pakej awalan, bayaran pendahuluan sehingga 75% telah dibenarkan.

Bagi mempercepatkan bayaran:

- Prosedur-prosedur yang tertentu telah diambil untuk mempercepatkan bayaran. Khususnya, projek yang dilaksanakan melalui PMC dibenar untuk menyerahkan tuntutan secara terus kepada pejabat Akauntan Negara.

ganti juga mencerminkan pengecualian cukai ke atas barangan terpilih yang diumumkan dalam Belanjawan 2001 untuk meningkatkan kecekapan dan daya saing. Perolehan daripada duti eksport juga adalah lebih rendah, disebabkan oleh penurunan di dalam jumlah eksport dan harga minyak pada tahun 2001. Secara keseluruhannya, hasil cukai meningkat sebanyak 30%, dengan itu meningkatkan nisbahnya kepada 77% daripada jumlah hasil. Oleh itu, bahagian hasil bukan cukai mencakupi 23% dengan perolehan yang lebih tinggi diperolehi daripada pembayaran dividen terutamanya daripada PETRONAS dan royalti petroleum.

Jumlah **perbelanjaan kasar** Kerajaan Persekutuan meningkat sebanyak 17.2% kepada RM99 bilion pada tahun 2001 disebabkan oleh operasi belanjawan yang lebih mengembang. Dua peruntukan belanjawan dorongan tambahan telah dilaksanakan pada bulan Mac (RM3 bilion) dan pada bulan September (RM4.3 bilion). Di samping perbelanjaan yang tinggi, Kerajaan telah menggiatkan usaha untuk memperbaiki pelaksanaan dasar terutamanya menghapuskan karenah birokrasi dan mempercepatkan pembayaran. Kerajaan telah mengemaskini semula prosedur, peraturan dan garis panduan berkaitan pelaksanaan projek pembangunan dan pembayaran kepada kontraktor-kontraktor (sila lihat rencana). Objektifnya adalah untuk memastikan dorongan fiskal memberi kesan yang diharapkan ke atas ekonomi dan memperbaiki penyaluran barangan dan perkhidmatan awam. Dengan langkah-langkah tersebut, kekurangan perbelanjaan kasar Kerajaan adalah kecil, iaitu kurang daripada 5%.

Selaras dengan sumber yang sedia ada, **perbelanjaan mengurus** meningkat sebanyak 12.8%, terutamanya untuk menggalakkan penggunaan sektor awam dan swasta bagi meningkatkan permintaan dalam negeri. Pada tahun ini, jumlah bayaran upah, yang merupakan

Jadual 2.10
Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan mengikut Objek

	2000	2001*a*	2000	2001*a*
	RM juta		% bahagian	
Emolumen	16,357	17,443	28.9	27.4
Bekalan dan perkhidmatan	7,360	10,704	13.0	16.8
Pembelian harta	572	1,339	1.0	2.1
Bayaran khidmat hutang	9,055	9,634	16.0	15.1
Pencen dan ganjaran	4,187	4,711	7.4	7.4
Subsidi	4,824	4,450	8.5	7.0
Lain-lain pemberian dan pindahan [1]	11,757	13,626	20.8	21.5
Lain-lain perbelanjaan[2]	2,435	1,851	4.3	2.9
Jumlah	**56,547**	**63,757**	**100.0**	**100.0**
% daripada KDNK	**16.6**	**19.2**		

[1] Termasuk pemberian dan pindahan kepada kerajaan negeri serta agensi awam dan perusahaan.
[2] Termasuk pindahan kepada organisasi antarabangsa, tuntutan insurans & pampasan dan lain-lain

a Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan

komponen yang terbesar dalam perbelanjaan mengurus (27%), meningkat sebanyak 6.6%. Peningkatan dalam bayaran upah juga mencerminkan kenaikan elaun, terutamanya untuk kakitangan polis dan tentera serta jururawat, doktor dan guru besar. Pembayaran pencen dan ganjaran juga meningkat, mencerminkan sumbangan tahunan yang lebih tinggi kepada Kumpulan Wang Amanah Pencen (RM929 juta pada tahun 2001; RM637 juta pada tahun 2000) serta bayaran khas sebanyak RM200 kepada setiap pesara.

Perbelanjaan ke atas bekalan dan perkhidmatan adalah nyata lebih tinggi, terutamanya bagi perolehan bekalan pejabat yang berkaitan dengan pelaksanaan *flagship* e-Kerajaan, kerja-kerja membaikpulih dan penyelenggaraan serta bayaran untuk perkhidmatan profesional yang berkaitan dengan inisiatif Kerajaan untuk menaikkan taraf kualiti dan kecekapan dalam perkhidmatan awam. Bayaran khidmat bagi hutang dalam negeri adalah lebih tinggi, mencerminkan paras hutang dalam negeri yang meningkat untuk membiayai program dorongan fiskal. Sementara itu, kadar faedah dunia yang lebih rendah telah mengurangkan bayaran khidmat hutang luar negara. Bahagian khidmat hutang adalah lebih kecil, sebanyak 15% daripada perbelanjaan mengurus. Perbelanjaan subsidi juga adalah lebih rendah. Ini mencerminkan jumlah bayaran subsidi yang lebih kecil berikutan kenaikan harga barangan petroleum sebanyak dua kali serta kejatuhan harga minyak.

Pelaksanaan dorongan fiskal yang lebih mengembang pada tahun 2001 telah menyumbang kepada perbelanjaan pembangunan yang lebih tinggi (26.1%). Perbelanjaan yang lebih tinggi ini telah dibelanjakan untuk sektor perkhidmatan sosial, terutamanya untuk pendidikan dan latihan. Sektor perkhidmatan sosial terus mencakupi komponen yang terbesar daripada jumlah perbelanjaan pembangunan (44%). Ini mencerminkan usaha Kerajaan yang lebih giat untuk menggalakkan pembangunan kemahiran bagi membangunkan ekonomi yang berasaskan pengetahuan. Perbelanjaan ini adalah terutamanya untuk meningkatkan kemudahan pendidikan dan pembangunan kurikulum; pembinaan sekolah satu sesi dan membina kolej komuniti dan universiti. Keutamaan juga diberi kepada pembinaan makmal komputer untuk mengurangkan jurang digital antara kawasan bandar dan luar bandar.

Perbelanjaan kesihatan juga adalah lebih tinggi untuk memastikan taraf penjagaan kesihatan yang lebih baik dan memenuhi permintaan yang meningkat bagi perkhidmatan kesihatan awam. Ini termasuk pembinaan dan peningkatan taraf hospital dan klinik kesihatan. Begitu juga, perbelanjaan perumahan yang lebih besar adalah untuk projek perumahan awam kos rendah bagi rakyat miskin dan program perumahan untuk pasukan tentera, anggota polis dan guru-guru di kawasan luar bandar.

Jadual 2.11
Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan mengikut Sektor

	2000	2001*a*	2000	2001*a*
	RM juta		% bahagian	
Pertahanan dan keselamatan	2,332	3,287	8.3	9.3
Perkhidmatan ekonomi	11,639	12,724	41.7	36.1
Pertanian dan pembangunan luar bandar	1,183	1,394	4.2	4.0
Perdagangan dan industri	3,667	4,829	13.1	13.7
Pengangkutan	4,863	5,042	17.4	14.3
Kemudahan awam	1,517	1,092	5.4	3.1
Lain-lain	409	367	1.5	1.0
Perkhidmatan sosial	11,076	15,385	39.6	43.7
Pendidikan	7,099	10,363	25.4	29.4
Kesihatan	1,272	1,570	4.6	4.5
Perumahan	1,194	1,269	4.3	3.6
Lain-lain	1,511	2,182	5.4	6.2
Pentadbiran am	2,894	3,839	10.4	10.9
Jumlah	**27,941**	**35,235**	**100.0**	**100.0**
% daripada KDNK	**8.2**	**10.6**		

a Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan

Dari segi perkhidmatan ekonomi, tumpuan terus diberikan kepada pembangunan infrastruktur, industri serta pertanian dan pembangunan luar bandar. Perbelanjaan ke atas pengangkutan menyerap bahagian yang besar daripada jumlah perbelanjaan pembangunan, mencerminkan usaha Kerajaan untuk meningkatkan aktiviti serta penyediaan rangkaian pengangkutan nasional yang cekap dan bersepadu. Sebahagian besar daripada perbelanjaan adalah untuk pembinaan dan peningkatan taraf jalan raya (termasuk lebuh raya) serta pembangunan sistem keretapi termasuk landasan berkembar daripada Rawang ke Ipoh.

Di bawah sub sektor perdagangan dan industri, sebahagian besar perbelanjaan adalah untuk pembangunan industri kecil dan sederhana, penyelidikan dan pembangunan perindustrian, promosi pelancongan dan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera. Perbelanjaan tambahan juga dibelanjakan oleh Kerajaan untuk membeli penerbangan nasional yang merupakan sebahagian daripada usaha penstrukturan semula sektor korporat. Pada tahun ini, Kerajaan juga telah menggiatkan usaha bagi menambah pendapatan golongan miskin serta meningkatkan kemudahan luar bandar terhadap utiliti dan ameniti awam. Justeru itu, perbelanjaan bagi pertanian dan pembangunan luar bandar (termasuk pembangunan tanah dan sistem pengairan) serta pelaburan untuk membaiki jalan raya luar bandar, bekalan air dan program pemasangan bekalan tenaga elektrik adalah lebih tinggi.


Jadual 2.12
Hutang Awam Kerajaan Persekutuan

	Perubahan tahunan		Pada akhir
	2000	2001*a*	2001*a*
	Nilai nominal dalam RM juta		
Hutang dalam negeri	**13,055**	**14,592**	**121,396**
Bil perbendaharaan	0	0	4,320
Terbitan Pelaburan Kerajaan	2,000	0	4,000
Sekuriti Kerajaan Malaysia	10,714	14,400	103,450
Tabung Pinjaman Perumahan Perbendaharaan	341	1,259	5,555
Pinjaman pasaran	0	–1,067	4,071
Hutang luar negara	**451**	**5,508**	**24,328**
Pinjaman pasaran	965	5,642	17,682
Pinjaman projek	–514	–134	6,646
Jumlah	**13,506**	**20,100**	**145,724**
% daripada KDNK			**43.8**

a Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan

Graf 2.16
Hutang Kerajaan Persekutuan yang belum dijelaskan pada akhir tahun 2001*a*



a Awalan

Memandangkan meningkatnya kecanggihan serta cabaran yang dihadapi dalam menangani jenayah dan memastikan keselamatan negara, perbelanjaan pertahanan dan keselamatan dalam negeri adalah lebih tinggi pada tahun 2001. Perbelanjaan pentadbiran am juga adalah lebih tinggi, terutamanya untuk pembinaan dan penyenggaraan pusat pentadbiran yang baru di Putrajaya; dan menyediakan infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi bagi menyokong aplikasi e-kerajaan dan pengkomputeran untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan jentera pentadbiran Kerajaan.

Sumber dalam negeri yang mencukupi untuk **membiayai** keperluan pembiayaan Kerajaan Persekutuan telah menyokong pengembangan fiskal. Sebahagian besar perbelanjaan pembangunan telah dibiayai melalui sumber dalam negeri. Penerbitan sekuriti kerajaan yang besar telah dilaksanakan tanpa menjejaskan peluang sektor swasta daripada mendapatkan pembiayaan. Tambahan lagi, terbitan yang besar ini turut menyokong pembangunan pasaran bon tempatan menerusi terbitan penanda aras yang kerap. Dalam keadaan kadar faedah yang rendah, perolehan dana daripada sumber dalam negeri merupakan satu sumber pembiayaan yang lebih rendah, dengan itu ia tidak membebankan perbelanjaan kerajaan pada masa hadapan. Kerajaan juga memperolehi dana daripada pasaran antarabangsa dengan tujuan untuk terus mewujudkan kehadiran dalam pasaran serta menyediakan penanda aras bagi sektor korporat. Walau bagaimanapun, perolehan pinjaman daripada luar negara dibuat secara berhemat bagi memastikan hutang luar negara berada pada paras yang rendah.

Secara keseluruhan, Kerajaan Persekutuan mencatatkan **jumlah pinjaman bersih** sebanyak RM19.7 bilion pada tahun 2001. Ini telah menyebabkan peningkatan sebanyak 16% dalam hutang yang belum dijelaskan oleh Kerajaan Persekutuan kepada RM145.7 bilion atau 43.8% daripada KDNK pada akhir tahun 2001. Hutang tersebut kekal pada tahap terurus dengan bayaran khidmat hutang yang rendah (15% daripada jumlah perbelanjaan mengurus) dan nisbah khidmat hutang luar negara yang rendah (0.5%). Sementara hutang dalam negeri mencakup 83% daripada jumlah hutang, hutang luar negara Kerajaan Persekutuan merupakan 14% daripada hutang luar negara.

Pinjaman dalam negeri bersih berjumlah sebanyak RM13.4 bilion pada tahun 2001. Pinjaman dalam negeri diperolehi terutamanya daripada sumber dalam negeri yang tidak bersifat inflasi. Pada tahun ini, Kerajaan Persekutuan telah mengapungkan empat terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) berjumlah RM21.5 bilion, terutamanya secara tender terbuka menerusi peniaga-peniaga utama. Kerajaan telah menerbitkan semula tiga daripada terbitan SKM yang sedia ada untuk menambah saiz terbitan masing-masing dan meningkatkan mudah tunai di pasaran sekunder bagi membangunkan lagi pasaran bon. Sementara itu, dari segi dana bersih, tidak ada dana baru yang diperolehi daripada Terbitan Pelaburan Kerajaan (TPK) dan Bil Perbendaharaan (BP). Walau bagaimanapun, tabung Pinjaman Perumahan Perbendaharaan mencatatkan jumlah pinjaman bersih yang lebih tinggi sebanyak RM1 bilion untuk memenuhi keperluan pembiayaan yang meningkat, berikutan kelonggaran dalam kelayakan pinjaman perumahan di dalam Belanjawan Tahun 2001. Kelayakan pinjaman perumahan telah dinaikkan daripada di antara RM35,000 dan RM200,000 kepada di antara RM40,000 dan RM300,000.

Berikutan jumlah pinjaman bersih SKM yang besar, jumlah hutang SKM yang belum dijelaskan meningkat kepada RM103.5 bilion pada akhir tahun 2001. Ia mencakup 85% daripada jumlah hutang dalam negeri yang belum dijelaskan. Dari segi struktur pemilikan SKM, pemegang terbesar yang utama adalah kumpulan wang pencen dan insurans. Sektor perbankan juga telah meningkatkan pegangannya pada tahun 2001.

Pinjaman luar negara kasar berjumlah sebanyak RM7 bilion, mencerminkan terutamanya perolehan dua pinjaman baru pada tahun 2001. Bagi mengambil

Jadual 2.13
Milikan Hutang Dalam Negeri Kerajaan Persekutuan

	2000	2001*a*	2000	2001*a*
	Nilai nominal dalam RM juta		% bahagian	
Bil perbendaharaan	**4,320**	**4,320**	**100.0**	**100.0**
Syarikat insurans	76	160	1.8	3.7
Sektor perbankan	4,166	4,014	96.4	92.9
Lain-lain	78	146	1.8	3.4
Terbitan Pelaburan Kerajaan	**4,000**	**4,000**	**100.0**	**100.0**
Syarikat insurans	194	195	4.8	5.0
Sektor perbankan	3,805	3,805	95.1	95.1
Lain-lain	1	0	...	0
Sekuriti Kerajaan Malaysia	**89,050**	**103,450**	**100.0**	**100.0**
Institusi keselamatan sosial dan insurans	71,232	79,154	80.0	76.5
di antaranya:				
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	*61,476*	*67,468*	*69.0*	*65.2*
Syarikat insurans	*6,652*	*8,566*	*7.5*	*8.3*
Sektor perbankan	12,458	18,594	14.0	18.0
Lain-lain	5,360	5,702	6.0	5.5

a Awalan

kesempatan ke atas keadaan pasaran yang memuaskan dan pulangan yang bertambah baik, pada bulan Julai 2001 Kerajaan Persekutuan telah menerbitkan bon global berjumlah AS$1 bilion (RM3.8 bilion) dengan tempoh matang pada tahun 2011 dengan kadar kupon sebanyak 7.5%. Terbitan tersebut telah memperoleh lebihan langganan sebanyak tiga kali ganda dan dengan harga sebanyak 228 mata asas lebih daripada Sekuriti Perbendaharaan Amerika Syarikat 10-tahun yang mencerminkan keyakinan pelabur asing terhadap asas ekonomi Malaysia yang kukuh dan kedudukan hutang luar negara yang rendah. Satu pinjaman bersindiket berjumlah AS$540 juta (RM2.1 bilion) telah diterbitkan pada bulan Disember. Pinjaman yang bertempoh matang 7-tahun tersebut telah diterbitkan pada kadar faedah yang rendah iaitu sebanyak 56 mata asas lebih daripada AS$ LIBOR. Ini mencerminkan kepercayaan kredit Kerajaan yang tinggi serta keyakinan ke atas ekonomi Malaysia. Kerajaan juga mengeluarkan pinjaman daripada sumber dua hala terutamanya di bawah Inisiatif Miyazawa Baru dan daripada sumber pelbagai hala (Bank Dunia, Bank Pembangunan Islam dan Bank Pembangunan Asia).

Kerajaan Negeri

Berdasarkan anggaran awal, kesemua 13 buah kerajaan negeri telah mencatat lebihan dalam akaun

Jadual 2.14
Kewangan Kerajaan Negeri Yang Disatukan

	2000	2001a	2002 Belanjawan
	RM juta		
Hasil	10,314	9,226	9,566
Sumber-sumber negeri	*8,118*	*7,127*	*7,470*
Pemberian dan pindahan Persekutuan	*2,196*	*2,099*	*2,096*
Perbelanjaan	5,254	5,874	5,905
Lebihan semasa	**5,059**	**3,351**	**3,661**
% daripada KDNK	**1.5**	**1.0**	**1.0**
Perbelanjaan pembangunan	5,082	5,673	5,565
Perbelanjaan pembangunan kasar	*5,348*	*5,878*	*5,757*
Tolak: Bayaran balik pinjaman	*266*	*205*	*192*
Imbangan keseluruhan	**–23**	**–2,322**	**–1,904**
% daripada KDNK	**0.0**	**-0.7**	**-0.5**
Sumber-sumber pembiayaan:			
Pinjaman Persekutuan	452	592	501
Harta boleh jual [1]	–430	1,730	1,403
Jumlah	**23**	**2,322**	**1,904**

[1] Tanda campur (+) menunjukkan pengeluaran harta boleh jual terkumpul
a Anggaran

Sumber: Kerajaan-kerajaan negeri

semasa mereka. Kedudukan kewangan kerajaan negeri yang disatukan, walau bagaimanapun, mencatat lebihan akaun semasa yang lebih kecil. Ini disebabkan oleh perolehan hasil yang lebih rendah daripada sumber kerajaan negeri di samping perbelanjaan mengurus yang lebih tinggi. Oleh kerana perbelanjaan pembangunan juga adalah lebih tinggi, kedudukan kewangan kerajaan negeri yang disatukan telah mencatat defisit keseluruhan yang kecil sebanyak 0.7% daripada KDNK pada tahun 2001. Defisit keseluruhan telah dibiayai terutamanya oleh pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan dan pengeluaran aset kewangan terkumpul kerajaan negeri.

Pada tahun 2001, harga komoditi yang lebih rendah termasuk minyak mentah, minyak sawit mentah dan kayu balak telah memberi kesan negatif ke atas sumber hasil kerajaan negeri. Sementara itu, perolehan daripada sumber Kerajaan Persekutuan telah dikekalkan untuk membantu kerajaan negeri dalam menyediakan infrastruktur dan kemudahan yang penting bagi mempertingkatkan kualiti kehidupan dan menyokong peningkatan taraf perbandaran di negeri-negeri. Peningkatan perbelanjaan mengurus kerajaan negeri mencerminkan terutamanya emolumen yang lebih tinggi. Sebahagian besar daripada peningkatan perbelanjaan pembangunan adalah untuk sektor pertanian dan luar bandar, kemudahan awam serta untuk meningkatkan dan menaik taraf infrastruktur.

Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK)

Anggaran awal kedudukan kewangan 37 buah perusahaan awam bukan kewangan (PABK) yang disatukan menunjukkan bahawa kedudukan keseluruhan kewangan PABK sebagai satu kumpulan mencatat lebihan kecil sebanyak RM1.6 bilion atau 0.5% daripada KDNK pada tahun 2001. Lebihan kecil ini adalah disebabkan oleh perolehan hasil yang rendah dan perbelanjaan yang tinggi. Perbelanjaan pembangunan PABK yang lebih tinggi telah dibelanjakan terutamanya untuk peningkatan kualiti, pengembangan kapasiti dan memperbaiki produktiviti untuk memastikan kecekapan dan pembekalan barangan dan perkhidmatan yang mencukupi.

Hasil PABK yang disatukan menurun sebanyak 6.7% kepada RM107.7 bilion. Harga petroleum yang lebih rendah pada tahun ini telah menyumbang kepada penurunan dalam pengutipan hasil. Tidak termasuk pengutipan hasil daripada sektor petroleum dan yang berkaitan dengan gas, hasil PABK mencatat pertumbuhan positif sebanyak 6.5%. Pertumbuhan ini terutamanya disebabkan oleh permintaan yang lebih tinggi bagi telekomunikasi dan tenaga serta sinergi yang diperolehi daripada kepelbagaian dalam bidang-bidang perniagaan yang baru. Pendapatan luar biasa daripada jualan aset turut menyumbang kepada peningkatan hasil tersebut. Sementara itu, peningkatan di dalam perbelanjaan mengurus (0.2%) adalah kecil, mencerminkan terutamanya usaha untuk mengurangkan kos sebagai sebahagian daripada pengurusan kewangan yang berhemat. Beberapa PABK juga telah melaksanakan penstrukturan semula organisasi operasi perniagaan mereka menerusi anak-anak syarikat milik penuh yang terlibat di dalam bidang perniagaan utama. Objektifnya ialah untuk meningkatkan kecekapan operasi, ketelusan, akauntabiliti dan prestasi untuk mengukuhkan pendapatan perniagaan.

Perbelanjaan pembangunan adalah nyata lebih tinggi sebanyak RM34.2 bilion (+46.5%) untuk mencakup lebih sedikit daripada separuh jumlah perbelanjaan pembangunan sektor awam. Kesemua perusahaan awam utama mencatat peningkatan di dalam perbelanjaan pembangunan. Peningkatan perbelanjaan modal adalah untuk pengembangan

Jadual 2.15
Kewangan PABK yang Disatukan [1]

	1999	2000	2001*a*
	RM juta		
Hasil	100,331	115,419	107,689
Perbelanjaan	61,596	71,725	71,898
Akaun semasa	**38,735**	**43,694**	**35,790**
% daripada KDNK	**12.9**	**12.8**	**10.8**
Perbelanjaan pembangunan	25,458	23,360	34,227
Imbangan keseluruhan	**13,276**	**20,334**	**1,563**
% daripada KDNK	**4.4**	**6.0**	**0.5**

[1] Merujuk kepada 37 buah PABK
a Anggaran

Sumber: Kementerian Kewangan dan perusahaan awam bukan kewangan

kapasiti dan program pemodenan. PABK juga membuat pelaburan di luar negara untuk mengukuhkan pendapatan perniagaan mereka. Pada tahun 2001, Petroliam Nasional Bhd. (PETRONAS) terus membuat pelaburan dalam dan luar negara dalam aktiviti huluan dan hiliran. Antara projek utama termasuklah pembinaan projek Gas Asli Cecair Malaysia Tiga (MLNG 3) dan kompleks petrokimia bersepadu di Kerteh dan Gebeng. Ia juga termasuk pembesaran perkapalan LNG oleh Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia untuk menampung peningkatan eksport LNG pada masa hadapan. Sementara itu, projek antarabangsa yang dilaksanakan oleh PETRONAS termasuk projek carigali dan pengeluaran minyak di Indonesia, Vietnam, Nigeria, Cameroon, Chad, Mesir, Sudan, Turkmenistan dan Iran.

Sebahagian besar daripada perbelanjaan modal Tenaga Nasional Bhd. (TNB) telah disalurkan kepada pembangunan dan peningkatan keupayaan penjanaan, transmisi dan pembahagian bekalan elektrik untuk memastikan bekalan elektrik yang mencukupi dan berterusan. Projek utama termasuk pembangunan semula Stesen Janakuasa Tuanku Jaafar (Fasa I dan Fasa II), loji tenaga arang batu Janamanjung, projek hidro-elektrik Kenyir (Fasa II), projek Pasir Gudang *Fast Track Plant-up* dan projek *combined cycle conversion* Gelugor. Bagi Telekom Malaysia Bhd. (TMB), sebahagian besar perbelanjaannya disalurkan untuk meningkatkan kapasiti di dalam teknologi komunikasi. Fokus TMB ialah untuk meningkatkan keupayaan dan membangunkan operasi rangkaian talian kekal dan mudah alih, perkhidmatan internet dan aktiviti multimedia. Perbelanjaan pembangunan Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. adalah terutamanya untuk pusat pentadbiran baru di Putrajaya.

Perbelanjaan modal PABK dibiayai terutamanya oleh dana yang dihasilkan daripada sumber dalaman dan pinjaman dalam negeri. Pada tahun 2001, sejumlah RM7.4 bilion telah diperoleh daripada pasaran sekuriti hutang swasta terutamanya oleh perusahaan yang terlibat dalam sektor tenaga, pembinaan dan perkilangan. Pinjaman luar negara bersih oleh perusahaan awam berjumlah sebanyak RM0.9 bilion pada tahun 2001. Perusahaan awam juga aktif dalam pengurusan hutang dengan pembayaran balik hutang luar negara yang berkos tinggi bagi mengurangkan beban khidmat bayaran hutang.

Akibatnya, jumlah hutang luar negara yang belum dijelaskan bagi perusahaan awam berada pada tahap terurus iaitu sebanyak RM66.5 bilion atau 20% daripada KDNK untuk mencakup 39% daripada hutang luar negara. Nisbah khidmat hutang (nisbah bayaran hutang kepada eksport barangan dan perkhidmatan) kekal pada tahap yang rendah sebanyak 2.9%. Kebanyakan daripada pinjaman tersebut digunakan untuk membiayai pelaburan yang produktif, termasuklah pelaburan luar negara yang strategik yang boleh mengukuhkan aliran pendapatan masa depan bagi PABK. Aktiviti pelaburan dan pinjaman PABK telah dipantau dengan rapi untuk memastikan mereka tidak menimbulkan risiko kepada ekonomi secara keseluruhannya.

Pada tahun 2001, kerajaan terus melaksanakan dasar penswastaannya, di samping mengukuhkan lagi rangka kerja pengawalan dalam memberi perkhidmatan kepada orang ramai. Pada tahun 2001, sebanyak 11 projek baru yang diswastakan telah diluluskan, terutamanya di dalam infrastruktur dan pembangunan tanah. Kebanyakan projek penswastaan tersebut adalah di dalam bentuk bina-urus-pindah, pajakan aset, pertukaran tanah dan kontrak pengurusan. Projek tersebut termasuk pembinaan asrama di Universiti Malaysia Sabah dan Universiti Kebangsaan Malaysia.